

MEDIA WARGA KOTA  
**WILAYAHKU**



# **REFORMASI DASAR STRUKTUR GAJI BAHARU**

>> 3

Dapur Seputeh  
Teresa Kok  
>> 6

50 tahun  
Wilayah MADANI  
>> 9-11

Liza Hanim  
terus bersuara  
>> 12

Proses petisyen dikemukakan Najib ikut saluran

# Perdana Menteri pastikan rayuan didengari

AZLAN ZAMBRY

**P**ERDANA Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim memperakui bahawa pihaknya perlu memastikan sebarang petisyen yang difaikkan ke Lembaga Pengampunan termasuk dari pihak Datuk Seri Mohd Najib Abdul Razak didengari serta dibawa ke pengetahuan Yang di-Pertuan Agong (YDPA).

Beliau mengambil sikap untuk mengemukakan rayuan yang dikemukakan bekas Ahli Parlimen Pekan itu kepada Lembaga Pengampunan bagi tujuan perbicaraan setelah ia melalui proses yang ditetapkan.

"Sudah menjadi hak mana-mana tahanan atau banduan mengemukakan pandangan dalam proses rayuan kepada Lembaga Pengampunan.

"Ada yang mengatakan mesti minima tiga tahun (menjalani hukuman) dan itu tak betul dan siapa sahaja kali pertama, ikut prosesnya boleh kemukakan rayuan, dan dalam kes ini apabila rayuan dikemukakan itu benar, Perdana Menteri (perlu) memastikan rayuan itu didengari.

"Jadi saya memang akui tanggungjawab itu. Kalau



**YDPA mempunyai kuasa mutlak untuk mengampunkan mana-mana individu yang sedang menjalani hukuman penjara.** - Gambar hiasan

ditanya mengapa Perdana Menteri mengambil sikap untuk mengemukakan cadangan rayuan dari Datuk Seri Najib begitu awal, saya kata sebaik sahaja saya mendapat mana-mana rayuan, saya mohon supaya Lembaga Pengampunan bicarakan," katanya.

Beliau berkata demikian dalam Perhimpunan Bulanan Jabatan Perdana Menteri (JPM) di Putrajaya pada Isnin.

Jelas Perdana Menteri

keputusan Lembaga Pengampunan yang memberi pengurangan hukuman kepada bekas Perdana Menteri itu dibuat atas pertimbangan ihsan oleh Yang di-Pertuan Agong ke-16, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah.

"Kita juga faham orang mempunyai pandangan kuat dan tegas. Jadi, kita beri laluan sedikit tetapi selepas penjelasan dibuat (perbincangan) ia harus

dihentikan.

"YDPA sebagai mercu keihsanan atau *fountain of mercy*, samada YDPA memilih untuk memberikan penjelasan atau tidak itu wewenang Tuanku," katanya.

Menurut Perdana Menteri pengurangan hukuman terhadap Najib telah diputuskan setelah melalui proses yang ditetapkan oleh Lembaga Pengampunan.

Ujar beliau, asas pertimbangan terhadap pengurangan hukuman kepada Najib adalah di atas jasa yang ditabur kepada negara ketika menjawat jawatan Perdana Menteri.

"Proses itu mengikut kaedahnya yang saya teliti dalam satu mesyuarat adalah asas rayuan, peranan dia, perjalanan hidup dia sebelum itu, keluarga dia, kehidupan di penjara, jasa dan khidmat dia, baik kepada keluarga atau masyarakat.

"Dalam kes Datuk Seri Najib, beliau mempunyai jasa iaitu kepada negara dan itu juga diberikan pertimbangan," katanya.

Menjelas lanjut, beliau berkata proses selanjutnya Ahli Lembaga Pengampunan kemudian diberikan penjelasan tentang proses badan kehakiman serta kes-kes yang dihadapi termasuk hukuman

serta kes-kes yang masih dalam perbicaraan.

"Kemudian masing-masing akan memberikan pandangan dan akhirnya YDPA membuat keputusan," katanya.

Kata Perdana Menteri, tidak sepatutnya berlaku tunding-menunding dengan niat menyalahkan pihak yang terlibat dalam proses pengampunan khususnya melibatkan bekas Perdana Menteri itu.

"Bagaimana hendak salahkan PM (Perdana Menteri) atau YDPA, AG (Peguam Negara) atau lembaga (Lembaga Pengampunan) tidak berbangkit. Itu prosesnya. Kita terima perlembagaan ini dan ia bidang kuasa yang diberikan sejak merdeka bahawa Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja Melayu.

Beliau turut menasihatkan orang ramai agar menghentikan sebarang perbincangan mengenai perkara tersebut kerana keputusan mengenainya telah dibuat.

"Jadi saya harap dengan penjelasan ini kita redakanlah dan terima peruntukan perlembagaan, kita juga tidak boleh menuntut penjelasan daripada keputusan yang telah diputuskan Lembaga Pengampunan yang dipengerusikan oleh YDPA," ujar beliau. **WK**

## Najib bertuah YDPA beri pengurangan hukuman

**BEKAS** Perdana Menteri, Datuk Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak yang dihukum penjara disifatkan bertuah berikutan Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah telah mengambil tanggungjawab untuk membuat keputusan berhubung petisyen pengampunan beliau dan tidak membiarkan ia tergantung sebelum baginda menamatkan tugas sebagai Yang di-Pertuan Agong (YDPA).

Pengamal Undang-Undang, Dr Zulkarnain Lokman berkata sehingga kini tiada satu peraturan khusus digubal berkaitan proses pengampunan ini sehinggakan dalam dokumen Pelan Tindakan Hak Asasi Manusia Kebangsaan 2018 (National Human Rights Action Plan 2018) telah dimasukkan satu keutamaan yang perlu dibuat adalah untuk mengelaskan semua prosedur operasi standard (SOP) berkaitan pengampunan ini.

"Pada masa itu masalah yang kritis adalah kerana beberapa orang banduan akhir yang tidak dapat digantung disebabkan tiada keputusan daripada Lembaga Pengampunan terhadap petisyen mereka.

"Ketika itu juga ada negeri yang mana Lembaga Pengampunan mereka tidak bersidang sehingga beberapa tahun menyebabkan petisyen pengampunan tidak dapat

diputuskan," katanya.

Menjelas lanjut, Zulkarnain menegaskan fungsi Lembaga Pengampunan hanya bersifat menasihati sahaja dan YDPA atau Sultan-Sultan tidak terikat dengan nasihat tersebut.

"Dalam kata lain, kuasa untuk mengampun itu adalah kuasa mutlak YDPA atau Sultan itu sendiri. Mesyuarat tersebut juga tidak dapat dibuat tanpa kehadiran YDPA atau Sultan berkenaan termasuklah tarikh penentuan mesyuarat Lembaga Pengampunan itu sendiri adalah ditetapkan oleh YDPA atau Sultan berkenaan.

"Manakala Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU) Jabatan Perdana Menteri adalah urusetia yang menyusun dan mengaturkan segala suratcara atau petisyen bagi banduan berkenaan," katanya

Ujar Zulkarnain, apakah sebabnya YDPA membuat keputusan di saat akhir tidaklah diketahui dan kemungkinan baginda tahu bahawa keputusan yang dibuatnya kelak pasti akan menimbulkan polemik dalam kalangan masyarakat.

"Oleh itu baginda membuat keputusan di saat akhir supaya jika timbul pun polemik ia tidak lagi

meletakkan baginda dalam keadaan serba-salah," katanya.

Kata Zulkarnain, perkara lain yang dapat dilihat adalah bahawa keputusan tersebut merupakan hak mutlak oleh YDPA sendiri tanpa campur tangan pihak eksekutif iaitu Perdana Menteri sendiri.

"Sekurang-kurangnya itulah yang kita lihat dan termaktub dalam undang-undang

menerusi Perkara 42 Perlembagaan Persekutuan dan kita tidak pasti sama ada di sebalik itu YDPA ada meminta apa-apa pandangan daripada Perdana Menteri kerana ia bukanlah korum yang ada dalam mesyuarat Lembaga Pengampunan," katanya.

Menurut Zulkarnain, Lembaga Pengampunan itu sendiri tidak mempunyai obligasi untuk memberitahu alasan atas penolakan sesuatu pengampunan yang dibuat kepada banduan apatah lagi untuk memberitahu kepada orang ramai.

"Dalam kes Najib ini, Lembaga Pengampunan telah membuat satu siaran media dan ini adalah satu tindakan yang di luar kebiasaan dan mungkin kerana kes ini adalah berkepentingan awam maka mereka berasa wajar siaran media dikeluarkan.



ZULKARNAIN

"Ini juga menjawab persoalan mengapa siaran media ini agak lewat dikeluarkan iaitu ia juga adalah satu tindakan yang bukan kelaziman Lembaga Pengampunan," kata beliau.

Tambahnya, secara umumnya dalam setiap petisyen pengampunan seseorang banduan itu perlu mendapat sokongan daripada pihak Jabatan Penjara serta Jabatan Peguam Negara dan sekiranya petisyen itu tidak disokong maka hampir pasti YDPA atau Sultan akan menolak petisyen tersebut.

Menurut Zulkarnain, wujud persoalan mengapa YDPA memberikan diskon hukuman penjara 50 peratus dan pengurangan hukuman denda tersebut yang menimbulkan perbincangan dalam kalangan masyarakat.

"Sebab sebenar mengapa YDPA itu memberikan diskon hukuman penjara tidaklah kita ketahui. Mungkin suatu masa nanti YDPA sendiri akan memberitahu kita mengapa YDPA memberikan pengurangan tersebut sebagaimana baginda menyatakan dalam satu temu bual mengapa baginda mencadangkan wujudnya Kerajaan Perpaduan selepas Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU15) serta bagaimana Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Tan Sri Abdul Hadi Awang sendiri menolak bulat-bulat

saranan tersebut.

"Mungkin juga pertimbangan YDPA pada ketika itu memikirkan bahawa Najib itu mempunyai jasa tertentu kepada negara sehingga mewajarkan pengurangan hukuman tersebut. Sehingga kini, jawatan Najib sebagai salah seorang daripada empat pembesar negeri Pahang masih lagi tidak dilucutkan dan ini menunjukkan bahawa baginda masih mempunyai pertimbangan khusus terhadap Najib," katanya.

Zulkarnain turut menjelaskan perbandingan di antara kes melibatkan Datuk Seri Anwar Ibrahim yang mendapat pengampunan penuh manakala berbanding Najib yang hanya mendapat pengurangan hukuman sahaja.

"Harus diingat bahawa Anwar mendapat pengampunan pada 16 Mei 2018 iaitu selepas disabitkan bersalah selepas Mahkamah Persekutuan yang menolak rayuan Anwar pada 10 Februari 2015 dan mengekalkan hukuman penjara selama lima tahun.

"Ini bermakna Anwar sudah menjalani hukuman lebih tiga tahun. Selain itu, Najib juga masih lagi dalam proses perbicaraan dalam kes 1MDB. Mungkin inilah pertimbangan YDPA dalam mengurangkan hukuman Najib tersebut dan tidak memberikan pengampunan penuh," katanya. **WK**

Kaedah fast track selesai isu saraan dalam tempoh dua bulan

# Penjawat awam terima gaji baharu

AZLAN ZAMBRY

**R**EFORMASI terhadap polisi domestik adalah komponen yang kritikal dalam meningkatkan daya saing dan sistem penyampaian kerajaan termasuk usaha menilai semula saraan baharu penjawat awam.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata kerajaan tidak boleh lari dari fokus tersebut sekali gus menumpukan perhatian terhadap usaha merubah polisi sedia ada demi kemakmuran negara.

"Kita tidak boleh lari daripada fokus yang sedemikian iaitu untuk menumpukan perhatian sepenuhnya dan kita tahu tentang masalah yang dihadapi, namun tugas kita adalah fokus tentang pengurusan ekonomi yang baik dengan mengelakkan ketirisan dan percepatkan proses kululusan," katanya.

Beliau berkata demikian dalam Majlis Amanat bersama warga Kementerian Kewangan yang turut dihadiri Menteri Kewangan II, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan; Timbalan Menteri Kewangan, Lim Hui Ying dan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (KSP), Datuk Seri Johan Mahmood Merican di Putrajaya pada Selasa.

Ujar beliau, beberapa dasar yang bersifat domestik dan keperluan memberi keyakinan baharu serta mengiktiraf kebaikan rakyat ini perlu dijadikan agenda utama dalam melaksanakan reformasi terhadap



**KENAIKAN gaji penjawat awam diberi perhatian.** - Gambar hiasan

polisi yang berkaitan.

"Ia termasuklah memulakan mesyuarat penilaian gaji penjawat awam. Ketua Setiausaha Negara (KSN) dan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA) setuju untuk mempercepatkan dan kita sudah sampai ke tahap yang lebih cepat daripada apa yang saya jangkakan keputusannya.

"Saya mulakan segera dan tidak mahu dikatakan sengaja melengah-lengahkan kerana (kenaikan gaji) telah menunggu 12 tahun dan menggunakan kaedah fast track dalam usaha itu. Untuk itu, jangkaan dua bulan ini kita bentangkan ke Jemaah Menteri untuk kelulusan muktamad," katanya.

Anwar berkata, reformasi polisi yang dilaksanakan bertujuan mengurangkan ketirisan dan menekankan isu tatakelola telah meningkatkan pendapatan negara di mana lebihan itu disalurkan kepada rakyat menerusi beberapa inisiatif.

"Sebagai contoh, pesawah padi, kita sudah mula bayar bantuan pesawah pada tahun 2023, kadar skim subsidi padi pada tahun 2022, RM360, kita tambah jadi RM500 pada 2023 manakala harga lantai belian padi tahun 2022 adalah RM1200, tahun 2023, kita naikkan RM1300.

"Kemudian Sumbangan Tunai Rahmah (STR), itu juga kita tingkatkan tetapi peruntukan

bantuan tunai kepada rakyat sebanyak sembilan juta rakyat, dan tahun 2023 kita naikkan menjadi RM8 bilion dan untuk tahun 2024, jumlah sumbangan STR mencecah RM10 bilion," katanya.

Perdana Menteri berkata hasil daripada usaha bersepada jabatan penguat kuasa yang ditugaskan mengutip hasil telah berjaya meningkatkan pendapatan negara dan dalam masa sama menambahkan bantuan kepada rakyat yang memerlukan.

"Melalui beberapa dasar yang dilaksanakan seperti pengapungan harga ayam dan subsidi elektrik bersasar telah membantu kerajaan memperolehi hasil yang baik.

"Usaha berterusan daripada badan-badan penguat kuasa seperti Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) telah memberikan hasil dan boleh menambah lonjakkan besar untuk rakyat," katanya.

Beliau yang juga Menteri Kewangan berkata bahawa menerusi beberapa pengumuman lalu, terdapat kumpulan masyarakat yang didakwa tertinggal kerana perbincangan dan penambahan terhadap dasar sedia dikatakan tidak membabitkan mereka.

"Kadang kala timbul salah faham mengenainya dan kita ambil semua sektor termasuklah Orang Kurang Upaya (OKU), pekebum getah, nelayan, peneroka. Kita ambil kira semua dan sebab itu sebelumnya umum (program) saya akan

laksanakan sekali.

"Umpamanya kita tahu orang bising tentang insentif pengeluaran getah malah kita tahu bahwa bertahun-tahun harganya kekal setakat RM2.50 sekilogram, pada tahun 2023 saya naikkan kepada RM2.70, tahun ini kita naikkan kepada RM3 sekilogram menjadikan belanja peruntukan itu mencecah RM400 juta sebagai tambahan," katanya.

Selain itu, beliau berkata kerajaan turut memutuskan untuk memberikan Bantuan Asas Persekolahan (BAP) kepada semua murid dari darjah satu hingga tingkatan lima dengan kadar RM150 untuk setiap murid.

"Kalau dulu, murid daripada keluarga berpendapatan RM3,000 ke bawah. Ramai penjawat merayu dan kita beri peluang kepada semua murid dan kita akui susah untuk buat penilaian (kriteria).

"Cuma kita harap kadang-kadang kalau orang itu betul-betul kaya, sepatutnya dia ambil RM150 dan beri kepada orang lain. Oleh kerana ukuran kriteria (penerima) prosedur birokrasi terlalu banyak, jadi kita kata, tidak apa, RM150 untuk anak-anak sekolah," katanya.

Sementara itu Perdana Menteri mencadangkan kepada menteri dan KSP serta pihak bertanggungjawab agar sebarang pengumuman mengenai insentif yang bakal dinikmati rakyat diumumkan sekali bagi mengelakkan memanipulasi fakta sehingga menimbulkan salah faham dalam kalangan masyarakat.

## Tadbir urus baik beri kesan positif

**KESEDIAAN** Kerajaan Perpaduan untuk menyemak skim saraan penjawat awam dan komitmen untuk menyelesaikan perkara berkenaan dalam tempoh dua bulan membuktikan usaha reformasi dasar yang dipelopori Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim telah memberikan kesan khususnya dalam peningkatan kerajaan.

Pensyarah Kanan Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi Universiti Teknologi MARA (UiTM), **Mujibu Abdul Muis** berkata tidak sekadar komitmen tersebut, pelbagai program peningkatan sosio ekonomi rakyat juga dilihat menunjukkan pertambahan drastik termasuk jumlah penerima dan implikasi kewangan yang tinggi.

"Barangkali apa yang dilakukan sekarang terutama peningkatan Sumbangan Tunai Rahmah (STR), Sumbangan Asas Rahmah (SARA), Bayaran Insentif Awal Kajian Sistem Saran Perkhidmatan Awam sebanyak



**MUJIBU**

RM2,000 kepada kakitangan awam dilihat akan berlaku perubahan substantial dalam kadar upah dan gaji penjawat awam. Ia boleh dikatakan kesan daripada limpahan tadbir urus yang baik dan tata kelola serta pengurusan rasuah.

"Kita juga tidak menolak tindakan itu mendapat keputusan daripada Indeks Persepsi Rasuah (CPI) dan mencatat skor yang menonok menjadikan ia antara kesan dalam tempoh setahun pentadbiran kerajaan daripada komitmen dan iltizam Perdana Menteri dalam memerangi rasuah," katanya ketika dihubungi.

Jelas Mujibu, sudah pasti ada nilai tambah hasil daripada komitmen Perdana Menteri yang berterusan memerangi rasuah dan menekankan perkara tata kelola menatihkan limpahan yang disebutkan itu.

"Apabila Perdana Menteri sebutkan ada tambahan pendapatan daripada pengurusan ketirisan itu disalurkan kepada

STR, bantuan dan bonus kepada penjawat, dan kesan limpahan itu menjadikan pengumuman beliau untuk menyelesaikan isu semakan gaji penjawat awam itu juga dapat dirasakan," katanya.

Menurut beliau prestasi Kerajaan Perpaduan dalam tempoh setahun ini boleh dikatakan berjaya berikutan misi Perdana Menteri turut disokong oleh seluruh Jemaah Menteri.

"Kita dapat lihat ada menteri turut memberikan komitmen sama dan ia dapat dilihat dengan jelas seperti Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Undang-Undang dan Reformasi Institusi), Menteri Ekonomi dan Kementerian Kewangan.

"Namun untuk mengatakan secara menyeluruh daripada kesemua menteri, masih tidak dapat dilihat memandangkan kita juga perlu faham bahawa usia kerajaan baru setahun, namun saya tidak nampak menteri-menteri ini tidak memberikan komitmen dalam hal ini namun perkara yang terkait dengan ketirisan dan pengurusan yang cekap, ketelusan dan good governance akan dapat dinilai pada tahun mendatang," ujarnya.

### INTIPATI UCAPAN PERDANA MENTERI

**Skim Subsidi Padi:** 2022 - RM360  
2023 - RM500

**Harga lantai belian padi:** 2022 - RM 1200  
2023 - RM 1300

**Sumbangan Tunai Rahmah (STR) 9 juta rakyat:**  
2023 - RM8 bilion  
2024 - RM10 bilion

**Harga getah sekilogram sebelum**  
2022 - RM2.50 sekilogram  
2023 - RM2.70 sekilogram  
2024 - RM3.00 sekilogram

Melibatkan perbelanjaan RM400 juta untuk Insentif Pengeluaran Getah

**Bantuan Asas Persekolahan**  
BAP diperluas penerima dari darjah 1 hingga tingkatan 5

2022 - RM450 juta tiga juta penerima,  
2023 - RM800 juta lima juta penerima.  
2024 - RM700 juta 4.6 juta penerima

**Sumbangan Asas Rahmah (SARA)**  
2023 RM600 - 210,000 penerima RM130 juta  
2024 RM1,200 (keluarga) 700,000 penerima RM700 juta  
RM600 (bujang)

Peningkatan kedudukan Malaysia dalam CPI

# Kerja keras kerajaan terbukti berhasil

SYED HAZIQUE

**P**ENINGKATAN kedudukan Malaysia dalam pelbagai indeks Antarabangsa jelas membuktikan bahawa Kerajaan Perpaduan pimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim komited untuk terus membangunkan negara ke tahap yang terbaik.

Malaysia mencatatkan peningkatan dalam ranking rasuah global kepada tangga 50 mata berbanding 47 mata pada 2022 dalam Indeks Persepsi Rasuah (CPI) 2023 yang dikeluarkan Transparency International (TI).

Rentetan itu sekali gus ia meletakkan Malaysia di ranking ke-57 daripada 180 negara seluruh dunia bagi tahun 2023 berbanding kedudukan 61 pada tahun 2022.

Malah, Presiden Transparency International Malaysia (TI-M), Dr Muhammad Mohan berkata, CPI 2023 menggunakan 13 tinjauan dan penilaian pakar bagi mengukur tahap persepsi rasuah sektor awam membabitkan 180 negara dan wilayah seluruh dunia.

Sementara itu, baru-baru ini, media turut melaporkan, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berusaha untuk meletakkan Malaysia pada kedudukan ke-25 dalam pengukuran Indeks Persepsi Rasuah (CPI) menjelang 2033.

Bagi mencapai hasrat itu, SPRM menyeru semua pihak supaya meneruskan kerjasama dan memainkan peranan masing-masing.

"Di samping itu, semua pihak perlu mempunyai iltizam politik untuk menambah baik strategi pencegahan dan pengurusan tatakelola baik demi mencapai hasrat kerajaan untuk meletakkan Malaysia pada kedudukan ke-25 dalam pengukuran CPI menjelang 2033," katanya.

Jelas sekali, menunjukkan



MALAYSIA catat peningkatan ranking rasuah global kepada tangga 50 mata.

Kerajaan Perpaduan yang dipimpin oleh Perdana Menteri sentiasa memerangi jenayah rasuah di negara ini.

Sementara itu, Malaysia berada pada kedudukan ke-55 negara paling gembira di dunia, demikian menurut Laporan Kegembiraan Global 2023 yang dikeluarkan oleh Rangkaian Penyelesaian Pembangunan Mapan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Ia merupakan peningkatan 15 anak tangga selepas Malaysia menduduki tangga ke-70 tahun lalu. Malaysia memperoleh 6 mata pada tahun ini menyaksikan ia berada di hadapan Thailand, Filipina, Indonesia dan Laos yang asing-masing berada di tangga ke-60, 76, 83 dan 89.

Indeks itu adalah berdasarkan tinjauan global di lebih 150 negara. negara-negara dalam

indeks tersebut dinilai berdasarkan skor purata kehidupan mereka sepanjang tiga tahun dan dalam kes ini antara tahun 2020 hingga 2022.

Penulis berpendapat, ia jelas menunjukkan keharmonian masyarakat Malaysia yang majmuk membuktikan sifat toleransi, merupakan antara kunci kepada peningkatan kebahagaiaan rakyat Malaysia.

Dalam pada itu, Malaysia berada di tangga ke-73 Indeks Kebebasan Media Dunia 2023 berdasarkan laporan Reporters Without Borders (RSF), berbanding tangga ke-133 tahun 2022.

Kedudukan Malaysia meningkat 40 anak tangga dengan mencatat 62.83 mata berbanding tahun sebelumnya 51.55 mata.

## SETAHUN YANG BERJAYA DENGAN PENAMBAHBAIKAN KEDUDUKAN MALAYSIA DALAM PELBAGAI INDEKS ANTARABANGSA

### INDEKS PERSEPSI RASUAH



\*MENGATASI KUWAIT & CHINA

Sumber: Transparency.org

### INDEKS DAYA SAING



\*MENGATASI UNITED KINGDOM & NEW ZEALAND

Sumber: IMD Research

### INDEKS KEBAHAGIAAN



\*MENGATASI PORTUGAL & KOREA SELATAN

Sumber: World Population

### INDEKS KEBEbasan MEDIA



\*MENGATASI PORTUGAL & KOREA SELATAN

Sumber: World Population

INDEKS KUALITI HIDUP



\*MENGATASI QATAR & KUWAIT

Sumber: Prosperity Index

Malaysia turut menduduki kedudukan tertinggi di ASEAN, diikuti Thailand di kedudukan ke-106, Indonesia (108), Singapura (129), Filipina (132), Brunei (142), Kemboja (147), Laos (160), Myanmar (173) dan Vietnam (178).

Secara kesimpulannya, peningkatan tersebut menunjukkan pengamal-pengamal media diberi hak kebenaran untuk terus melontarkan serta menyampaikan berita-berita yang telus kepada umum tanpa sekatan.

Selain itu, Kedudukan Malaysia dalam Ranking Daya Saing Global (WCR) 2023 meningkat lima anak tangga di kedudukan ke-27 berbanding ke-32 pada tahun lalu.

Penambahbaikan kedudukan itu merupakan pengiktirafan terhadap usaha keseluruhan Kerajaan Malaysia dalam mengukuhkan

asas ekonomi, dasar dan inisiatif dalam meletakkan negara sebagai destinasi pilihan untuk pelaburan, perniagaan serta perdagangan.

Kedudukan tersebut menunjukkan Malaysia mencatatkan peningkatan dalam keempat-empat faktor daya saing, terhadap kesan pandemik, ketidaktentuan dan krisis ekonomi global, serta pelbagai cabaran domestik.

Dalam pada itu, Indeks Kualiti Hidup juga turut meningkat kepada tangga 43 pada tahun 2023 berbanding tahun 46 pada tahun 2013.

Perubahan kedudukan pada tempoh 10 tahun itu juga menunjukkan cerminan kualiti hidup rakyat Malaysia daripada pelbagai segi seperti keperluan asas, pendidikan, dan sebagainya.

WK

ISU  
BESAR

Bakal Tiba.....

Cadangan pemansuhan skim pencen ahli politik

# Kerajaan tidak pernah pilih kasih

**I**SU berkenaan cadangan pemansuhan skim pencen bagi penjawat awam baharu yang diutarakan kerajaan baru-baru ini mendapat perhatian segenap lapisan masyarakat sekali gus menerima maklum balas dari sudut positif maupun negatif.

Tidak kurang juga yang turut menghentam pihak kerajaan seolah-olah berat sebelah kerana dilihat serius untuk memansuhkan pencen kakitangan kerajaan tetapi tidak bagi ahli politik.

Tuduhan yang disifatkan terlalu emosional itu memberi peluang kepada golongan tidak bertanggungjawab untuk mencetuskan perbalahan sedangkan pemansuhan pencen ahli politik akan dibincangkan di peringkat Kabinet terlebih dahulu sebelum dibawa ke Parlimen.

Belum sempat dibentangkan, pihak yang suka mensensasikan isu ini sudah pun meramalkan keputusan seolah-olah mereka adalah sang nujum.

Seharusnya golongan yang tidak arif ini duduk diam dan tunggu sahaja keputusan pada akhirnya nanti. Tidak perlu terburu-buru melakukan kerja orang lain.

Pada peringkat Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, beliau melihat isu ini sebagai satu tanggungjawab moral yang perlu dijelaskan sepenuhnya kerana sukar untuk dirasional jika pemansuhan pencen dikecualikan bagi golongan ahli politik.



**PENJAWAT awam sentiasa mendapat perhatian kerajaan.** - Gambar hiasan

Memetik ucapan beliau ketika merasmikan Program Penggerak MADANI Negeri Sembilan (Ketua-Ketua Kerajaan Negeri dan Persekutuan) di Kem Wawasan Negara Ulu Sepri, baru-baru ini, Anwar berkata sistem berbeza tetapi munasabah jika dikaji.

“Kalau penjawat awam tak ada, orang politikpun tak ada tapi ia tertakluk kepada kelulusan di Parlimen. Kalau jadi dan Kabinet bersetuju, saya (akan) bentangkan (di Parlimen). Kalau ada kebetulan Ahli Parlimen nak tolak, itu dia

tolak la, saya bentangkan sebab dari segi tanggungjawab moral,” ujar beliau.

Cadangan pemansuhan sistem pencen penjawat awam telah pun disuarakan ketika Anwar menjadi Menteri Kewangan pada 1990-an namun ia tidak dilaksana.

Dari sudut pandangan yang lebih bernes, jika diteliti pemansuhan skim pencen bagi penjawat awam baharu adalah munasabah memandangkan jumlah perbelanjaan mengurus dan pertumbuhan perbelanjaan

terhadap pencen dan gratuity meningkat pada kadar 8.4 peratus setahun daripada 2012 sehingga 2022.

Ia boleh mencecah hampir RM60 bilion pada tahun 2023 iaitu hampir dua kali ganda daripada tahun 2022. Malah banyak negara maju di seluruh dunia seperti Jerman, Belanda, Singapura dan sebagainya yang melakukan pembaharuan pencen perkhidmatan awam sebagai tindak balas pelbagai cabaran seperti keadaan ekonomi dan tekanan fiskal.

## Malaysia terus bantu rakyat Palestin

**I**SU bantuan ke Palestin tidak pernah berhenti dibincangkan sejak Hamas melancarkan serangan ke atas Israel pada 7 Oktober. Pelbagai andaian dibangkitkan terutama oleh pihak yang sering menundung jari kepada kerajaan.

Malah agak keterlaluan apabila ada yang sewenang-wenangnya menuduh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim tunduk kepada parti DAP agar menghentikan bantuan ke Palestin.

Tuduhan melulu tanpa sebarang bukti tersebut dianggap sebagai fitnah yang hanya bertujuan tidak lain untuk menghasut rakyat membenci sekali gus dilihat mampu menjelaskan keharmonian kaum.

Nyatanya, di sebalik tuduhan tidak berasas tersebut, PMX menyifatkan tindakan menghentikan bantuan dan sokongan kepada rakyat Palestin khususnya di Gaza sebagai tidak berperikemanusiaan.

Terbaharu, beliau bertegas mengutuk tindakan beberapa negara Eropah yang menghentikan sementara pembiayaan untuk Agensi Bantuan dan Kerja Pertubuhan Bangsa-bangsa



**TIMBALAN Perdana Menteri, Datuk Seri Fadillah Yusof mewakil kerajaan Malaysia menghantar bantuan ke Palestin.**

Bersatu bagi Pelarian Palestin (UNRWA) berikutan dakwaan kononnya beberapa kakitangan agensi itu terbabit dalam serangan pada 7 Oktober lalu.

Dalam sesi temu bual bersama Al Jazeera baru-baru ini, Anwar tetap melahirkan pendirian Malaysia untuk terus membantu Palestin dan rakyatnya di Gaza menerusi bantuan yang disalurkan melalui Mesir sejak tahun lepas.

“Pertama kita kena kutuk tindakan ini. Kita tak boleh

hentikan bantuan dan sokongan untuk rakyat dan penduduk yang berada dibawah kekejaman ini. Rakyat dan kanak-kanak terbunuh, wanita terbunuh. (Tapi) kamu hanya ambil satu dua perkara teknikal.

“Kita di Malaysia mengambil pendirian untuk terus menyokong (perjuangan Palestin) dan jika diperlukan kita akan tingkatkan sokongan itu. Kita tak boleh hentikan sokongan pembiayaan untuk mereka,” kata beliau

dalam siaran langsung temu bual bersama Al Jazeera.

Malah, negara Barat perlu menerima realiti bahawa pendudukan Israel ke atas tanah Palestin sejak lama dahulu telah mencetuskan api kemarahan penduduk.

Sepatutnya kita menggembung tenaga membantu sedaya yang mungkin. Jika tidak mampu dari segi wang ringgit maka doa juga merupakan senjata utama daripada sibuk memfitnah di sana sini.

## MENARIK WILAYAHKU

**INI KRAF MALAYSIA HKK 2024**  
HARI KRAF KEBANGSAAN NATIONAL CRAFT DAY  
21 FEB - 4 MAC 2024 | KOMPLEKS KRAF KUALA LUMPUR  
AKTIVITI-CALAKAUN PENGURUNGAN MIRAS & TAFTAR DI SINI

REHABILITASI MIRAS DAN TAFTAR

### KUALA LUMPUR

**1-29/2/24:** Kempen Pengecualian Denda Lewat Pemulangan Buku @ Perpustakaan KL

**19-23/2/24:** Kem Muzik Remaja 2024 @ Auditorium DBKL

**21/2-4/3/24:** Ini Kraf Malaysia @ Hari Kraf Kebangsaan 2024

**2/3/24:** Marhaban Ya Ramadhan 2024 @ Auditorium DBKL



### PUTRAJAYA

**19/1-25/2/24:** Leap Of Spring @ iOICITY MALL

**24/2-3/3/24:** Festival Lentera @ Anjung Floria

**24/2-3/3/24:** Pertandingan LAMPU Kreativiti 3R 2024

**25/2/24:** Putrajaya Inter Park Ride @ Taman Wetland

**2/3/24:** Putrajaya Lake and Wetland Explorace @ Taman Wetland



### LABUAN

**1-29/2/24:** Karnival Beli-Belah @ WP Labuan

**28/1 - 30/6/24:** Labuan Diving Festival 2.0

**1-29/2/24:** Pertandingan bercul @ 27 kampung di Labuan

# Dapur Seputeh fokus utama Teresa Kok

**SYED HAZIQUE**

**A**HLI Parlimen Seputeh mewakili Parti Tindakan Demokratik (DAP), Tan Kok Wai adalah seorang pemimpin berjiwa rakyat yang sanggup menolong golongan kurang berkemampuan tanpa mengira masa.

Segala permasalahan ditangani dengan tenang walau berhadapan dengan pelbagai cabaran yang berlaku menjadikan beliau antara ahli Parlimen yang sentiasa mendengar dan dekat di hati rakyat.

Wilayahku berpeluang mendengar segala pengalaman daripada sisi Teresa sepanjang perkhidmatannya di kawasan Parlimen Seputeh.

**Boleh YB ceritakan pengalaman sepanjang berkhidmat sebagai Ahli Parlimen Cheras?**

Sepanjang enam penggal menjadi Ahli Parlimen pelbagai pengalaman berharga saya peroleh dan tidak boleh dilupakan.

Jawatan ini adalah satu amanah dan tanggungjawab yang sangat berat untuk digagas. Banyak perkara yang perlu ditanganai terutamanya dalam membantu rakyat dari segi kelangsungan hidup.

Kepentingan rakyat adalah keutamaan saya, masalah penduduk Seputeh juga adalah masalah saya,



justeru segala permasalahan mereka akan didengari, akan saya tolong dan selesaikan semampunya.

Ia bukan mudah, namun itulah antara cabaran yang saya alami sepanjang tempoh enam penggal itu.

**Antara cabaran sukar yang dilalui YB?**

Jika disoal tentang cabaran, setiap hari ialah cabaran untuk saya dalam memberikan kesolesaan kepada penduduk di kawasan Seputeh ini.

Sebenarnya, masalah utama ialah masalah pembangunan tidak terkawal. Bila terjadinya benda ini, akan timbul masalah kepada penduduk yang melampau, akan muncul pula kesesakan lalu lintas. Jadi ia adalah satu rantaian masalah.

Oleh kerana itu, saya bersama pihak berkuasa tempatan (PBT) sering bekerjasama bagi

menyelesaikan permasalahan ini.

**Apakah ada isu lain yang cuba diketengahkan YB?**

Sebenarnya, selain daripada kepadatan penduduk, isu masalah sampah juga kerap terjadi di kawasan-kawasan perumahan.

Dengan kerjasama PBT termasuk SWCorp juga, ia sangat membantu melancarkan proses permasalahan sampah ini.

Seperti yang telah saya katakan, kesolesaan penduduk adalah keutamaan saya dalam menjadi seorang Ahli Parlimen Seputeh.

**Bagaimana pula dengan isu pengangkutan awam di tempat YB?**

Secara realitinya, memang ramai yang menggunakan pengangkutan awam, lebih-lebih lagi bagi mereka yang bekerja dekat dengan stesen-stesen kereta api ini.

Walau bagaimanapun, suka untuk saya nyatakan, masih ramai lagi yang menggunakan kenderaan sendiri sebagai pengangkutan.

Pihak berwajib juga sudah banyak melaksanakan inisiatif bagi orang ramai menggunakan pengangkutan awam, kerana ia adalah satu kemudahan.

Mereka tidak lagi perlu bersesak dalam kesesakan trafik selain duit petrol dan parkir yang mungkin boleh menjimatkan mereka sendiri.

**Bagaimana YB menyantuni penduduk Seputeh?**

Banyak aktiviti yang diatur daripada pasukan saya dengan melakukan gerak kerja turun padang untuk bersama-sama penduduk.

Antaranya seperti Dapur Seputeh, mesyuarat bersama Majlis Perwakilan Penduduk (MPP), mesyuarat antara zon, sambutan perayaan, malah saya turut terlibat sama dalam aktiviti sekolah.

Bukan apa, ia lebih mudah bagi penduduk dan juga saya untuk beramah mesra dan

saling mengenali antara satu sama lain sekali gus kita juga dapat mendengar setiap luahan penduduk.

**Berapa kerap YB mengadakan dialog bersama penduduk?**

Boleh dikatakan setiap bulan akan ada mesyuarat bersama MPP, manakala antara Zon pula sebanyak empat kali setahun.

Daripada situ, kita akan mendengar luahan penduduk, apakah yang boleh ditambah baik, apa yang mereka perlukan atau jika ada sebarang kekurangan, semuanya dilakukan demi kesolesaan mereka.

Kita juga bawa bersama pihak berkuasa serta keselamatan dalam membantu penduduk mendapatkan info-info yang berguna.

**Apakah yang dimaksudkan dengan Dapur Seputeh?**

Ia adalah satu inisiatif saya bersama pasukan dalam membantu mereka yang berada dalam kesusahan dan diadakan dua kali seminggu setiap Sabtu dan Ahad di Program Perumahan Rakyat Kampung Muhibbah dan Taman Salak Selatan.

Kami akan sediakan dan edarkan makanan kepada penduduk Seputeh, mereka boleh datang ambil sahaja tanpa dikenakan sebarang bayaran.

Daripada situ juga, hubungan yang terjalin antara kami dan masyarakat setempat amat erat. Itu memberikan satu kepuasan buat diri saya.

**Difahamkan pihak YB juga ada menaja 100 orang suri rumah untuk mencarum kepada Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) menerusi Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah (SKSSR)?**

Iya, saya tergerak hati untuk berbuat demikian kerana adalah lebih baik jika mereka ini dilindungi dan mempunyai SKSSR kerana kebanyakannya tidak mempunyai pendapatan.

Justeru itu, mungkin perkara ini dapat membantu mereka dalam menyediakan perlindungan keselamatan sosial kepada golongan suri rumah daripada bencana domestik dan keilatan semasa menguruskan rumah.

**Bagaimana pula dengan bantuan persekolahan di kawasan Seputeh?**

Di kawasan Seputeh terdapat 26 buah sekolah rendah dan menengah. Tiada satu sekolah pun yang diabaikan oleh pihak kami.

Segala peruntukan daripada kerajaan juga diagihkan kepada semua sekolah, malah ada juga yang kami beri lebih sekiranya mereka perlukan bantuan lebih untuk menaik taraf fasiliti persekolahan.

Malah dianggarkan juga kira-kira lebih RM1 juta peruntukan diberi kepada sekolah-sekolah kawasan Seputeh dalam menambah baik fasiliti mereka.

**Sempena perayaan Tahun Baru Cina ini, apakah perancangan yang akan dilakukan YB buat penduduk Seputeh?**

Setiap kali musim perayaan saya memang sibuk dengan aktiviti bersama pasukan antaranya pergi ke pasar-pasar berdekatan atau mana-mana kawasan sekitar Seputeh untuk mendekati orang ramai.

Kami akan serahkan ang pau serta buah limau. Sebenarnya, dalam kepercayaan Kantonis, pemberian limau ibarat memberi emas. Reaksi wajah gembira penduduk itu sangat bernilai dan memberi sejuta makna buat saya.

**Apakah yang dapat disimpulkan YB demi terus menjaga kesejahteraan dan keharmonian yang terjalin antara penduduk sehingga ke hari ini?**

Saya bersama rakan-rakan lain amat bersyukur dengan hubungan baik yang terjalin ini.

Segala isu yang berbangkit akan diselesaikan dengan mencari solusi yang terbaik bagi semua pihak. Tanpa sokongan serta kepercayaan rakyat di sisi siapalah kami di sini. Disebabkan itu kepercayaan





IMEJ PAS sangat tidak baik pada pandangan orang Sabah dan Sarawak.

# Faktor kenapa PAS sukar kembali ke Putrajaya



ZULKIFLI SULONG

**B**ARU-BARU ini keluarga saya dari Terengganu menziarahi saya dan isteri di Selangor. Sebagai penduduk Terengganu, keluarga saya itu dilingkungi oleh suasana politik yang menyokong PAS.

Oleh itu, corak pemikiran dan pandangan mereka sudah tentu dipengaruhi oleh persekitaran mereka di mana PAS berjaya menyapu bersih kesemua kerusi Dewan Undangan Negeri dan Parlimen dalam pilihan raya lalu di negeri itu.

Selepas berbasa-basi, kami mula menyingga hal politik.

“Ada tak kemungkinan UMNO akan bekerjasama dengan PAS dalam masa terdekat. Sebab saya rasa, dengan cara itu saja, PAS kemungkinan akan kembali berkuasa di peringkat pusat,” tanya salah seorang keluarga saya dari Terengganu itu.

Bagi saya, ia agak sukar. Saya mengemukakan sekurang-kurangnya empat sebab kenapa PAS sukar bekerjasama dengan UMNO atau kembali untuk berkuasa semula di peringkat pusat dalam masa terdekat.

Pertama, UMNO sukar untuk bekerjasama dengan PAS sekarang kerana kedua-dua parti ini menyasarkan pengundi daripada kelompok yang sama, iaitu Melayu, Islam dan luar bandar.

Apabila ini berlaku, UMNO dan PAS akan terpaksa berebut kerusi untuk ditandingi dalam pilihan raya nanti.

Berbeza dengan bekerjasama dengan Pakatan Harapan (PH). UMNO tidak akan menyasarkan kumpulan pengundi yang sama kecuali pergeseran agak tajam akan berlaku dengan AMANAH yang mempunyai sasaran pengundi yang hampir sama dengan UMNO.

Jadi, kata saya, UMNO akan

lebih selesa bekerjasama dengan PH berbanding dengan PAS. Cuma isu yang perlu diselesaikan adalah adanya DAP di dalam PH yang selama ini menjadi sasaran serangan UMNO sebagai orang jahat di Malaysia.

Tetapi dalam pembahagian kerusi, UMNO tidak akan ada masalah besar dengan PH apatah lagi DAP.

Faktor kedua yang menyukarkan PAS untuk kembali berkuasa di Pusat adalah politik Sabah dan Sarawak. Imej PAS sangat tidak baik pada pandangan orang Sabah dan Sarawak.

Oleh itu, amat sukar untuk mereka bekerjama jika PAS menjadi faktor besar dalam sesuatu kumpulan yang mereka perlu pertemui. Mereka sesekali tidak boleh menerima akan berada dengan PAS dalam menentukan dasar-dasar negara. Atas dasar itu, sukar Sabah dan Sarawak bekerjasama atau berkongsi kuasa dengan PAS.

Faktor ketiga adalah Yang di-Pertuan Agong iaitu baginda Sultan Johor yang baru saja ditabalkan sebagai Yang di-Pertuan Agong yang baharu.

Ramai tahu bahawa Agong ini amat rapat hubungannya dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim. Ia bermula sejak Anwar dibebaskan dari penjara pada tahun 2018 lagi.

Sebaik sahaja dibebaskan, Sultan Johor telah menjadi Raja-raja Melayu yang pertama dikunjungi Anwar. Beliau telah mengunjungi baginda Sultan Johor di Johor Bahru. Sejak itu hubungan baginda dengan Anwar dilihat amat rapat.

Dalam masa yang sama, dalam beberapa titah ucapan baginda di Johor, jelas kelihatan baginda sangat tidak senang dengan PAS.

Faktor keempat adalah Presiden UMNO yang ada, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi. Hampir semua orang tahu, hubungan antara Zahid dengan Anwar amat rapat. Ia bermula sejak Anwar di dalam UMNO lagi.

Sebelum Anwar dipecat dari UMNO oleh Mahathir, Zahid antara pemimpin UMNO yang awal

membangkitkan isu korupsi, kolusi dan nepotisme (KKN) yang terkenal di Indonesia ketika itu dan menjadi istilah yang selalu digunakan Anwar ketika itu.

Zahid membangkitkan perkara ini dalam pilihan raya kecil (PRK) Arau 1998 dan yang menariknya PAS berjaya menang dalam pilihan raya kecil itu apabila UMNO mula berpecah.

Yang menarik juga, ada yang membuat main Zahid dengan Anwar umpama murid dengan guru.

Apabila hubungan Anwar sebagai Penggerusi PH dengan Zahid Penggerusi BN amat rapat, sukar untuk memecahkan hubungan kedua-dua gabungan itu di dalam Kerajaan Madani sekarang.

Dengan keempat-empat faktor tersebut, kata saya, amat sukar untuk PAS bekerjasama semula dengan UMNO sebagaimana yang berlaku dalam Muafakat Nasional (MN) sebelum ini jika hasratnya adalah untuk kembali berkuasa semula.

“Kalau begitu, takda jalan lah PAS nak kembali ke Putrajaya,” tanya keluarga saya itu, lantas saya menjawabnya, “Ada.”

PAS sepatutnya menyertai Kerajaan Perpaduan sebagaimana yang disarankan oleh Yang di-Pertuan Agong sebaik sahaja selepas PRU 15 lalu. Bagi saya, peluang ini masih terbuka. Saya difahamkan, hasrat ini pernah disampaikan kepada PAS, namun Presiden PAS yang ada menolaknya walaupun hulubalang di keliling beliau sedia membincangkannya.

“Ketika itu, Presiden PAS ditawarkan sebagai Timbalan Perdana Menteri,” kata saya kepada keluarga saya dari Terengganu itu.

“Jadi ia boleh berlaku kalau Presiden PAS yang ada sudah tidak ada lagi?” tanya keluarga saya itu.

Saya kata, “Ye”. Saya juga yakin, kalau Timbalan Presiden PAS yang ada sekarang jadi Presiden, ia boleh berlaku.

Dialog kami berakhir di situ.

**PENULIS adalah bekas wartawan Harakah, lidah rasmi PAS**



## Di KL pun ada kereta sapu!

**TIDAK** disangka, rupanya ada aktiviti kereta sapu di ibu negara. Secara mudah, kereta sapu beroperasi membawa penumpang secara haram, tanpa permit daripada pihak berkuasa. Seperti namanya, ia main sapu sahaja

Kawan-kawan Kedai Kopi teringat zaman kanak-kanak di kampung dahulu, memang ada perkhidmatan kereta sapu untuk memudahkan pergerakan penduduk, misalnya untuk ke bandar atau pasar. Pada hari perayaan seperti Hari Raya, lagi laris kereta sapu ini.

Tetapi tidak terfikir di Kuala Lumpur, dalam persekitaran di mana terdapat pelbagai bentuk pengangkutan awam, kereta sapu beroperasi. Bas, teksi, e-hailing, Transit Aliran Ringan (LRT), Aliran Transit Massa (MRT) dan monorel semua ada. Namun ada yang memilih kereta sapu.

Kegiatan kereta sapu ini dikesan dalam operasi Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Wilayah Persekutuan di Kuala Lumpur baru-baru ini. Dalam operasi tersebut 23 kendaraan disita atas pelbagai kesalahan, termasuk kereta sapu.

Tumpuan operasi ialah kawasan Setapak, Wangsa Maju dan Gombak. Antaranya sekitar Taman Melati, Pusat Beli Belah

Wangsa Walk, Setapak Central dan KL East Mall.

Yang lebih merisaukan, ramai yang ditahan kerana terlibat kegiatan kereta sapu adalah warga asing. Daripada 23 pemandu ditahan, 10 adalah warga tempatan, Bangladesh (5), Indonesia (4) dan masing-masing seorang warga Afghanistan, Somalia, Mesir dan Yaman.

Difahamkan, cara atau taktik pemandu kereta sapu ini mengiklankan perkhidmatan mereka ialah melalui aplikasi Telegram dan WhatsApp. Tambang yang ditawarkan lebih murah.

Sasaran pemandu kereta sapu dikatakan tertumpu di universiti awam dan kolej swasta di Kuala Lumpur. Kawasan berkenaan ibarat lubuk mencari pelanggan dalam kalangan penuntut.

Nampaknya bermacam-macam perangai warga asing di negara ini. Banyak perkara haram mereka lakukan. Sudahlah ramai datang secara haram, melakukan pula pelbagai aktiviti haram. Nasihat kawan-kawan Kedai Kopi kepada orang ramai, jangan gunakan khidmat kereta sapu. Ini kerana kereta sapu beroperasi tanpa permit dan penumpang tidak dilindungi insurans jika berlaku kejadian tidak diingini.

## Bazaria Wangsa Maju melimpah

**BAZARIA** Wangsa Maju, juga dikenali sebagai bazar larut malam atau uptown, terkenal bukan sahaja dalam kalangan warga kota tetapi pelancong luar. Ia beroperasi di sebuah tapak di kawasan Taman Setapak Indah dan Taman Danau Kota, Setapak, dalam Parlimen Wangsa Maju.

Asalnya ia beroperasi di Taman Danau Kota sebelum berpindah ke kawasan sekarang. Ia berikutkan rungutan penduduk yang sejak sekian lama terpaksa berhadapan masalah kesesakan dari petang hingga awal pagi setiap hari bazar beroperasi.

Operasi di tapak sekarang juga menyebabkan berlaku kesesakan jalan di sekitar. Apa pun, lokasi ini juga bersifat sementara. Bazar ini dijangka berpindah ke lokasi tetap di Jalan Genting Klang tidak lama lagi. Pembinaan kompleks bazaria moden dan serba lengkap dengan pelbagai kemudahan kini rancak berjalan.

Bazar yang pada awal kehadiran hanya menjual pelbagai barang keperluan

kering seperti baju, seluar, kasut, cermin mata, tali pinggang dan pelbagai keperluan lain, kini menjual makanan dan minuman. Pendek kata sudah seperti pasar malam di tempat lain.

Daripada pemerhatian kawan-kawan Kedai Kopi, bazaria ini sudah melimpah ke bahu jalan di sekitar. Ramai peniaga muncul mendirikan gerai menjual makanan dan minuman. Jumlahnya nampak makin bertambah, menambah sesak jalan yang memang sesak.

Jika peniaga di dalam kawasan bazaria adalah berdaftar dan perlu membayar lesen kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), kawan-kawan Kedai Kopi tidak pasti apa status peniaga di luar kawasan bazaria.

Adakah para peniaga ini berlesen? Atau adakah mereka mendirikan gerai sesuka hati demi menarik pelanggan yang ramai datang ke bazaria setiap malam, kecuali Isnin malam Selasa? Tidakkah operasi mereka menjelaskan peniaga dalam bazaria?

# Lestarikan kehidupan di ibu kota



KU SEMAN KU HUSSAIN

**D**I sebalik bangunan tinggi yang mencakar awan di beberapa bandar raya metropolitan dan terkemuka di Hong Kong, Tokyo dan Seoul, banyak kisah-kisah duka golongan berpendapatan rendah berjuang untuk terus hidup di kota-kota berkenaan.

Benar seperti kata sesetengah orang, hidup di kota yang penuh gemerlap dan moden belum tentu kehidupan warganya juga berkilaunya dan berbahaya. Malah lebih redup dan terpaksa meredah kepayaan yang berganda untuk mencari sesuap nasi dan alas tidur pada malamnya.

Mereka tidak bercakap tentang kehidupan, untuk terus hidup pun sudah seperti tidak terdaya akibat kemajuan yang merata hak-hak kemanusiaan golongan rentan. Banyak yang terus berjuang dalam kepayaan disebabkan tidak ada peluang di tempat lain.

Warga di kota-kota itu bukan sahaja berdepan dengan belanja sara hidup, tetapi juga sewa kediaman yang sangat tinggi. Mereka tidak ada pilihan, terpaksa memujuk diri untuk berasa 'selesa' dalam ruang seperti keranda. Ruang itu hanya untuk tidur.

Ada yang tidak pernah bermimpi bukan sahaja untuk menyewa rumah, malah bilik yang selesa pun tidak mampu terutama di kawasan bandar. Selebihnya hanya bermalam dalam ruang yang sangat sempit, lebih sempit berbanding bilik.

Ruang itu hanya digunakan untuk tidur sebelum keluar semula esoknya. Mereka itu umpama robot, hanya bekerja tetapi tidak ada kehidupan. Sekalipun begitu, mereka terpaksa menerima hakikat bahawa kota yang metropolitan itu memburu kemajuan fizikal semata-mata.

Bagaimanapun kisah-kisah



WARGA KL masih boleh menikmati kehidupan seadanya di sebalik bayang bangunan dan kemajuan. - Gambar hiasan

tragis dalam berjuang meneruskan hidup itu tidak berlaku kepada warga yang mencari rezeki di Kuala Lumpur. Banyak juga golongan berpendapatan rendah tetapi tidak sampai ke tahap kritisik 'kerja hanya untuk hidup.'

Warga Kuala Lumpur masih boleh hidup dan menikmati kehidupan seadanya di sebalik bayang bangunan pencakar awan yang berceracak di sana sini. Seterik-teruk hidup di Kuala Lumpur hanya kes-kes terpencil sahaja yang tidak mampu menyewa walaupun sebuah bilik kecil.

Memang benar, di Kuala Lumpur pun ada gelandangan yang tidak ada tempat untuk tidur. Mereka terpaksa tumpang bermimpi di kaki lima sementara menunggu siang. Itu gelandangan.

Tetapi golongan yang bekerja setidak-tidaknya ada ruang peribadi berupa bilik untuk menjalani kehidupan.

Oleh sebab itulah hakikat sebuah kota tidak boleh diukur pada gemerlap dan indah serta modennya prasarana. Hal-hal yang demikian tidak memberikan gambaran atau ukuran kehidupan sebenar yang memenuhi keperluan manusia.

Di Kuala Lumpur ketika ini ada sekurang-kurang empat mercu tanda kecemerlangan kemajuan prasarana dan turut tersenarai di persada dunia. Mercu tanda itu boleh difahami sebagai pencapaian pembangunan prasarana Kuala Lumpur sejak dua dekad terakhir ini.

Empat mercu tanda itu adalah Menara Berkembar Petronas, Menara Razak Exchange (TRX), Menara Merdeka 118 berhampiran tapak bersejarah Stadium Merdeka dan Menara Kuala Lumpur. Sebenarnya banyak lagi, tetapi yang keempat-empat ini paling tertonjol.

Kuala Lumpur memasuki era pembangunan yang sangat ketara kalau dilihat dalam dua dekad kebelakangan ini. Memandangkan bandar raya itu terus berkembang pesat, adalah penting untuk pihak berkuasa untuk terus merancang pembangunan.

Pada masa yang sama mengimbangi kesan sesuatu pembangunan prasarana itu terhadap kesejahteraan dan kualiti

hidup warga. Pembangunan itu memang perlu, tetapi yang lebih dituntut adalah keseimbangan dengan keperluan manusia.

Oleh itu semua perancangan terhadap Kuala Lumpur tidak boleh terlepas daripada hal-hal yang bersifat manusia. Tentu sahaja kita tidak mahu Kuala Lumpur menjadi salah sebuah kota metropolitan seperti di Jepun atau Korea Selatan yang sangat sesak hingga mencetuskan krisis kemanusiaan yang tenat.

## KUALITI HIDUP

Mercu tanda yang berdiri megah itu perlu memberikan gambaran sebenar tentang kualiti hidup semua lapisan warga di Kuala Lumpur. Semua dalam kalangan mereka itu menyumbang pada pelestarian nilai-nilai kemanusiaan di bandar raya ini.

Perancangan pembangunan Kuala Lumpur perlu menoleh kesan-kesan sosial yang tidak diingini dicetuskan oleh kota-kota besar lain yang meminggirkan aspek keperluan manusia. Dengan berbuat demikian pembangunan Kuala Lumpur tidak mengulangi kegagalan yang berlaku di kota-kota berkenaan.

Pembangunan Kuala Lumpur setakat ini bergerak pada landasan yang seperti dirancang. Misalnya tidak berlaku pembangunan yang terlalu pesat hingga mengambil hak dan

ruang kehidupan sosial golongan berpendapatan rendah.

Suatu ketika dulu Kuala Lumpur terkenal dengan petempatan setinggan, tetapi dengan perancangan jangka pendek dan panjang, kota raya ini telah bebas setinggan. Kini golongan yang berpendapatan rendah berpeluang mendiami projek perumahan yang lebih selesa dengan belanja yang munasabah.

Sebenarnya hidup bukanlah hanya sekadar untuk makan dan tidur semata-mata. Manusia memerlukan ruang yang kondusif sama ada di luar atau di dalam kediaman. Hal-hal yang sedemikianlah yang dapat melahirkan warga kota yang berkualiti.

Kuala Lumpur perlu terus meredah pembangunan dan kemajuan. Bagaimanapun, pada masa yang sama terus lestari dengan pendekatan seperti sekarang – pembangunan yang berpaksikan tuntutan manusia. Maknanya perlu ada keselarian antara pembangunan prasarana dengan ruang keperluan manusia.

Salah satu aspek utama perancangan bandar yang berteraskan keperluan manusia adalah keseimbangan yang tepat antara kepadatan populasi dan ruang kediaman. Misalnya tidak membiarkan pembangunan bergerak tanpa dipandu hinggakan ada warga di kota-kota di Jepun, Hong Kong atau Seoul terpaksa hidup dalam ruang yang sempit atau tiub.

Kuala Lumpur boleh menggunakan strategi mengurus pertumbuhannya dengan memberi tumpuan kepada mewujudkan kejiranan yang mampu dan mempunyai hubungan yang baik serta menawarkan kualiti hidup yang tinggi.

Dalam mengejar pembangunan, pengguna Kuala Lumpur juga perlu melestarikan kawasan hijau di pusat bandar raya. Ruang hijau seperti taman dan kawasan rekreasi berperanan dalam meningkatkan kesejahteraan fizikal dan jiwa warga kota.

Pendekatan berteraskan manusia dalam pembangunan bandar bertujuan memastikan aspek fizikal bandar direka bentuk dengan mengambil kira kesejahteraan dan keperluan warganya.

Dengan mencapai keseimbangan antara kepadatan populasi dan kebolehdiaman serta memelihara ruang hijau, hasilnya Kuala Lumpur bukan sahaja menarik pada sudut visual tetapi juga meningkatkan kualiti hidup manusia dalamnya.

Hal itu kerana hubungan simbiotik berkenaan menjadi pendokong utama pada kota raya yang indah lagi berjiwa. Semoga Kuala Lumpur terus lestari pada usia setengah abad bawah kawal selia Kerajaan Persekutuan.

## RAGAM KOTA

CUCU: BILA AGAKNYA PASUKAN BOLA KITA BOLEH MASUK PIALA DUNIA DATOK?

F#minor



Sebarang maklumat berhubung Editorial Wilayahku, sila hubungi alamat tertera: Aras 9, Blok 1, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya.

Te: 03-8861 5260 | E-mail: editorialwilayahku@gmail.com


# WIK

Bil 249. 9-15 FEBRUARI 2024

MEDIA WARGA KOTA  
**WILAYAH KU**

# 50 TAHUN WILAYAH MADANI

►10 - 11



# KL dihiasi pembangunan gah

DIANA AMIR

**T**ANGGAL 1 Februari 2024 merupakan tarikh keramat di mana usia penubuhan Wilayah Persekutuan (WP) telah pun menjangkau setengah abad sejak pembentukannya pada tahun 1974 yang lalu.

Bertemakan "Wilayah MADANI, Rakyat Harmoni," kerajaan menjadikan pencapaian dan kemajuan pesat yang telah dikecapi oleh WP selama tempoh lima dekad pertama ini sebagai insipirasi untuk terus meningkatkan lagi pembangunan yang mampan di WP untuk dekad-dekad yang mendatang.

Mengimbau sejarah, Kuala Lumpur telah diambil daripada Negeri Selangor untuk dijadikan sebagai WP, seterusnya diangkat sebagai ibu negara Malaysia dan sejak itu, bandar raya Kuala Lumpur mengorak langkah pantas dengan pelbagai kemajuan dan pembangunan termasuk menempuh banyak cabaran dalam aspek pembangunan secara global yang berorientasikan isu pengurusan perbandaran, alam sekitar, penempatan, pengangkutan, ekonomi dan pekerjaan setempat.

Sekjak awal penubuhannya sebagai penyelaras perancangan dan pembangunan Kuala Lumpur serta kawasan Lembah Klang, Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP) yang dahulunya dikenali sebagai Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) berjaya mencatatkan pelbagai pencapaian yang kritis kepada pembangunan sosioekonomi dan kesejahteraan warga WP.

Dari awal pembentukan, kota metropolitan Kuala Lumpur telah menjadi penanda aras bagi prestasi kemajuan Malaysia di mana pada tahun 2016, bandar ini telah diakui mencapai taraf dunia bagi pengangkutan awam terdiri daripada Transit Aliran Massa (MRT) yang sedang dibina ketika itu. Sistem yang canggih ini seiring dengan bandar-

bandar maju di luar negara seperti San Francisco dan New York.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), **Dr Zaliha Mustafa** berkata selain menjadi pusat perniagaan dan ekonomi negara, Kuala Lumpur juga berada di tangga ketujuh tertinggi berbanding negeri-negeri di Malaysia dari segi jumlah penduduknya.

"Melalui data Jabatan Perangkaan Malaysia, penduduk yang menetap di Kuala Lumpur adalah dianggarkan seramai 1.9 juta penduduk, manakala Putrajaya seramai 109,202 orang penduduk, diikuti Labuan seramai 95,120 orang.

"Dengan jumlah penduduk yang ramai, fokus utama kerajaan juga adalah bagi memastikan pembangunan yang pesat di WP bergerak seiring dengan pembangunan dari sudut sosial dan ekonomi penduduk," ujar beliau dalam ucapannya ketika Majlis Perasmian Hari Wilayah Persekutuan dan Hari Terbuka Putrajaya 2024 yang diadakan di Dataran Putrajaya pada 1 Februari lalu.

Justeru itu, pembinaan rumah mampu milik di ketiga-tiga Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan telah dipergiat sejak

tahun 2013 lagi dengan sasaran untuk memperkasa rakyat bagi memiliki rumah sendiri dengan harga berpatutan dan mampu milik di mana sebanyak 66,493 Residensi Wilayah (dahulunya dikenali Rumah Mampu Milik Wilayah Persekutuan (RUMAWIP)) telah dibina sehingga tahun 2023 dan sejak pelaksanaannya, seramai 47,781 pemohon layak menerima tawaran serta mendapat manfaat.

## RESIDENSI WILAYAH

Sehingga tahun 2023, jumlah bagi Projek Residensi Wilayah yang siap di Kuala Lumpur adalah sebanyak 61,446 unit manakala bagi Putrajaya sebanyak 4,267 unit dan Labuan sebanyak 780 unit. Dalam memberikan kehidupan kondisif untuk rakyat, pelaksanaan Residensi Wilayah ini juga menekankan agar pemaju melengkapkan projek dengan pelbagai kemudahan atas seperti surau, dewan, taska, taman permainan dan ruang kedai bagi keselesaan penduduk.

Seterusnya, kehidupan bandar raya Kuala Lumpur dihiasi dengan pembangunan gah dan kepesatan pertumbuhan ekonominya. Oleh itu,

pada tahun 2004, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah berjaya mewartakan Pelan Struktur Kuala Lumpur 2020 (PSKL2020) dengan visi Bandar Raya Bertaraf Dunia yang boleh menjamin pembangunan bandar yang terancang meliputi laluan teras pembangunan.

PSKL2020 kemudian digantikan dengan Pelan Struktur Kuala Lumpur 2040 (PSKL2040) yang baru sahaja diwartakan pada 19 Oktober 2023 selaras dengan peruntukan Seksyen 10(1), Akta 267 meliputi enam matlamat utama.

Sementara itu, bagi melestarikan Kuala Lumpur sebagai destinasi pelancongan dan pelaburan, pastinya kemudahan sistem pengangkutan menjadi salah satu agenda penting kepada kerajaan. Pelbagai inisiatif dicadangkan dan dirangka bagi memastikan kemudahan sokongan ini diper Tingkat menjelang 2040 seperti laluan penghubung antara bas pengantara, park and ride dan kemudahan laluan pejalan kaki ke stesen penghubung yang berdekatan perlulah dalam keadaan selesa juga selamat.

Pada tahun ini, DBKL turut mengumumkan perkhidmatan Bas GOKL kini percuma untuk

warganegara manakala caj RM1 akan dikenakan bagi yang bukan warganegara mulai 1 Januari 2024. Sehingga ke hari ini terdapat 80 unit Bas Elektrik (EV) 10 meter dan sebuah Bas Elektrik Mini (EV) 8 meter yang menyampaikan perkhidmatan di 14 laluan sekitar WP Kuala Lumpur.

Pencapaian inisiatif bandar pintar di WP Kuala Lumpur pula adalah berdasarkan Pelan Utama Bandar Pintar Kuala Lumpur atau Kuala Lumpur Smart City Master Plan 2021-2025 yang menyasarkan sejumlah 28 inisiatif bandar pintar dan sehingga tahun 2023, DBKL berjaya melaksanakan 13 inisiatif di bawah pelan ini.

Dalam pada itu, bagi menyahut seruan Perdana Menteri yang menyuntik nilai ihsan dalam konsep Malaysia MADANI, inisiatif Lestari Niaga@Kuala Lumpur dijayakan dengan sasaran untuk menggagaskan sifat belas ihsan kepada semua pihak melalui tindakan-tindakan pemberdayaan kemanusiaan. Sehingga tahun 2023, sebanyak 63 lokasi telah berjaya dinaik taraf dan dicantikkan bagi meningkatkan keselesaan kepada penjaja dan pengunjung di bawah program tersebut. **WK**



KUALA LUMPUR mengorak langkah pantas dengan pelbagai kemajuan dan pembangunan secara global.



# Putrajaya pemacu bandar pintar negara

**PUTRAJAYA** yang diisytiharkan sebagai Wilayah Persekutuan (WP) ketiga pada tahun 2001 merupakan pusat pentadbiran Kerajaan Persekutuan yang menggantikan Kuala Lumpur pada 1999 sekali gus menjadi ibu negara pentadbiran Malaysia.

Kelebihan utama Putrajaya berbanding Kuala Lumpur dan Labuan ialah ia sebuah bandar terancang berkonsepkan bandar dalam taman yang dibangunkan sebagai sebuah bandar raya sejahtera yang kondusif (*self-contained township*).

Ia dilengkapi dengan komponen pembangunan komersial yang menyediakan perumahan berkualiti, kawasan hijau riadah dengan 13 taman metropolitan, tasik dan *wetland* buatan yang diiktiraf badan dunia Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) sebagai tapak ekohidrologi dunia sejak tahun 2010.

Justeru itu, kepelbagaiannya sektor yang dapat memangkin ekonomi Putrajaya secara berterusan disusun rapi, termasuk pembangunan rumah mampu milik, pusat sukan dan rekreasi, pembukaan kafe-kafe hipster dan pusat pertanian moden menjadikan Putrajaya kini sibuk seperti bandar-bandar lain.

Kini, usaha Putrajaya menampakkan hasil, dengan infrastruktur dan fasiliti bertaraf dunia, Putrajaya juga menjadi destinasi popular sebagai lokasi penganjuran pelbagai acara baik peringkat tempatan maupun antarabangsa.

Antara acara tahunan di Putrajaya termasuk Festival Bunga dan Taman



SEKITAR pembinaan Pejabat Perdana Menteri.

(FLORIA) Diraja Putrajaya, Putrajaya Open Day (POD), Light and Motion Putrajaya (LAMPU), Sambutan Hari Kebangsaan serta pelbagai acara sukan lasak, sukan larian dan sukan air bertaraf antarabangsa.

Statistik 2022 menunjukkan Putrajaya merekodkan kemasukan seramai hampir lima juta pengunjung domestik dan luar negara termasuk pelawat, pelancong dan pengunjung acara iaitu peningkatan mendadak pasca COVID-19. Bagi tahun 2023 pula, sehingga bulan November ia telah menunjukkan peningkatan empat kali ganda iaitu seramai hampir 20 juta pengunjung.

Dalam pada itu, Putrajaya juga telah melakar pelbagai kejayaan dalam pengiktirafan sebagai bandar raya pintar dan mampan bertaraf dunia. Antara anugerah yang berjaya dirangkul termasuk Anugerah Bandar Mampan sejak tahun 2012 hingga

kini, Anugerah Bandar Berdaya Huni Tinggi dan yang terkini adalah Anugerah ASEAN Clean Tourist City Standard (2024-2026) iaitu merupakan kali ketiga diterima Putrajaya.

Pencapaian inisiatif bandar pintar di Wilayah Persekutuan Putrajaya adalah berdasarkan Pelan Tindakan Bandar Pintar Putrajaya atau *Putrajaya Smart City Blueprint* yang menyasarkan sejumlah 95 inisiatif bandar pintar bermula tahun 2018 sehingga 2025. Setakat tahun 2023, Perbadanan Putrajaya (PPj) berjaya mencapai 49 inisiatif bandar pintar yang telah siap dilaksanakan.

Memandangkan Putrajaya adalah lambang kebanggaan dan aspirasi negara, ia perlu meneruskan misi menjadi contoh sebuah perbandaran yang mampan, hijau dan lengkap selaras dengan Pelan Struktur Putrajaya 2025. **WK**



PUTRAJAYA kini menjadi destinasi popular sebagai lokasi penganjuran pelbagai acara.

# Noktah miskin tegar di Labuan

**SELAIN** Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan (WP) Labuan juga adalah antara wilayah yang mempunyai peranan tersendiri di mana ia telah menyumbang sebanyak RM1 bilion kepada pendapatan negara pada setiap tahun dan merupakan penyumbang Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) per kapita kedua tertinggi di Malaysia.

Justeru itu, Labuan tidak dipinggirkan dari arus pembangunan. Untuk itu, dalam usaha mengurangkan isu kos sara hidup warga WP, Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP) pada tahun 2018 telah mengambil inisiatif untuk melaksanakan penanaman pokok kelapa dan buah-buahan di bawah Program Labuan Go Green yang diaghikhan kepada penduduk Labuan untuk ditanam di dalam kawasan lapang dan perumahan masing-masing.

Program ini merupakan salah satu langkah awal kementerian untuk mengurangkan beban rakyat pulau bebas cukai itu dari segi mendapatkan bahan-bahan komoditi hasil pertanian seperti buah-buahan dan kelapa parut serta santan kelapa yang dijual pada harga yang mahal. Di bawah inisiatif ini sebanyak 30,125 benih pokok kelapa dan 1,000 pokok Durian Musang King serta 1,000 pokok Mangga Harum Manis telah ditanam.

Selain itu, usaha menokthahkan kemiskinan tegar di WP Labuan giat dilaksanakan di mana sehingga Disember 2023, hanya berbaki lapan Ketua Isi Rumah (KIR) yang berstatus miskin tegar di wilayah tersebut. KIR ini berjaya melepas paras garis kemiskinan tegar melalui pengembangan usaha pelbagai pihak termasuk Sumbangan Tunai Rahmah, Sumbangan Asas Rahmah, bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP). Mulai November 2023 MAIWP telah menaikkan had nilai bantuan RM1,000 kepada semua penerima bantuan tunai.

Inisiatif menaik taraf fasiliti gerai-gerai peniaga kecil dan penjaja sedia ada juga dilaksanakan dengan penyediaan fasiliti yang lebih kondusif dan selesa. Menerusi inisiatif tersebut ia telah membantu para peniaga meningkatkan pendapatan dan sehingga hari ini, Perbadanan Labuan (PL) telah dan sedang menaik taraf 35 unit gerai, Terminal Corner dan Pasar Sentral dengan implikasi kos berjumlah RM4 juta.

Dalam pada itu, aktiviti *crew change* iaitu pertukaran kru bagi industri minyak dan gas (O&G) kembali beroperasi di WP Labuan di mana ia memberi impak positif terhadap ekonomi setempat khususnya sektor perhotelan, premis makanan dan perkhidmatan serta logistik yang menyokong kepada industri ini. Pelaksanaan aktiviti *crew change* ini juga dijangka sedikit sebanyak akan menaikkan ekonomi Labuan dengan peningkatan keluar masuk kakitangan O&G melalui Labuan yang dianggarkan lebih kurang 3,500 hingga 4,000 kru sebulan.

Menyentuh aspek pelancongan, acara-acara bertaraf antarabangsa seperti Borneo Arts Festival dan Labuan International Sea Challenge juga berjaya dianjurkan di Labuan setiap tahun untuk menarik pelancong-pelancong tempatan dan luar negara bagi mengunjungi Pulau Mutiara Borneo ini. Kedudukan Pulau Labuan yang dikelilingi dengan keunikan dan keindahan sumber alam seperti Labuan Geopark mampu menjadi Unique Selling Proposition (USP) Labuan.

Sama seperti di Kuala Lumpur, pencapaian inisiatif bandar pintar di WP Labuan adalah berdasarkan Pelan Tindakan Bandar Pintar Wilayah Persekutuan Labuan yang menyasarkan sejumlah 50 inisiatif bandar pintar bermula tahun 2021 sehingga 2030 dan setakat tahun 2023, PL berjaya mencapai sembilan inisiatif bandar pintar yang telah siap dilaksanakan. **WK**



LABUAN kaya dengan pelbagai aktiviti ekonomi.



# Liza Hanim terus bersuara

**D**UA minggu sebelum konsert, kesihatannya sedikit terganggu terutama pernafasan dan batuk-batuk. Namun itu bukan alasan untuk penghibur berpengalaman ini tidak meneruskan impian yang telah lama terperap bagi Getaran Cinta Di Jiwa.

Penantian 27 tahun untuk muncul di pentas konsert solo akhirnya terlaksana di Zepp Kuala Lumpur bersaksikan hampir 2,000 peminat. Liza Hanim Merawat Luka Terpendam di hadapan penyokong tegarnya yang turut terbang dari Brunei dan Singapura.

30 lagu bergema dalam dewan. Ada ketika batuk kecil sedikit mengganggu, namun peminat memberinya Sejuta Maaf dan Kerana Terlalu Menyintaimu, mereka faham penyanyi kesayangan itu seperti kata Allahyarham Tan Sri P Ramlee, Di Mana Kan Ku Cari Ganti kerana Liza tiada yang dua.

Liza yang pernah muncul dalam filem KL Menjerit sesekali meneguk air membasahtekak untuk Bebas melantun Lara selepas ayahnya Tiada (lagu khas untuk arwah). Ku Teruskan dengan Siapa Sangka Siapa Menduga dan Andainya Aku Bersuara.

Persembahan dua jam tamat dengan puas. Liza memberi yang terbaik tanpa cela suara dan buat peminat, mereka tidak perlu lagi ada resah Gelisah Mimpi.

Liza Hanim 27 Years Journey In Concert yang diterbitkan Liza sendiri ini turut disaksikan rakan-rakan seperjuangan termasuk Datuk Seri Siti Nurhaliza, Ziana Zain, Anuar Zain, Jaclyn Victor, Noryn Aziz, Dafi Ismail, Nikki Palikat dan Aishah Retno. WK



PERSEMAHAN memukau Liza Hanim dalam konsert pertamanya selepas 27 tahun.

# UK's, Slam imbau aura 90-an

**S**TADIUM Malawati Shah Alam menjadi saksi kehangatan nostalgia era 90-an menerusi konsert gabungan dua kumpulan hebat yang tidak asing lagi iaitu UK's dan Slam.

Tepat pukul 8.45, peminat disajikan dengan persembahan UK's dengan membawa lagu Rhythm Si Jantung Hati yang ternyata membawa seribu nostalgia kepada pendengar malam itu.

Penuh bertenaga disertai vokal yang lunak, 5,000 penonton yang hadir ikut menyanyikan bersama lagu popular antaranya Kekasih di Menara, Rondo Cinta Buta, Kau Satu-Satunya dan Pahit Akan Manis Akhirnya.

Usai persembahan solo UK's, peminat seolah 'dirasuk' dengan kemunculan Zamani menerusi lagu Kembali Merindu. Mainan emosi silih berganti dengan seleksi lagu popular seperti Tak Mungkin Berpaling, Mentari Muncul Lagi dan Kurnia.

Tiga jam berlalu tidak terasa apabila kesemua penonton kelihatan terhibur dengan dua kumpulan legenda yang cukup menggigit memori penonton seusia selain turut diminati golongan anak muda. **WK**



AKSI Zamani dan Amir UK'S tidak menghamparkan penonton.



# Secangkir kopi seribu nikmat

SYED HAZIQUE

**S**EJAK beberapa tahun kebelakangan ini, budaya minum kopi dalam kalangan rakyat Malaysia dilihat meningkat dengan begitu ketara.

Kopi adalah minuman yang sangat popular di dunia, dan sering kali menjadi pilihan bagi orang ramai untuk menikmatinya sekali gus mampu memberi tenaga atau tonik tambahan setelah kepenatan.

Memiliki aroma khas yang membuka selera, ia dapat memberikan pengalaman yang tiada tolak bandingnya bagi para peminatnya.

Jika anda mencari lokasi untuk menikmati sarapan dengan ketenangan selepas penat bekerja yang, Kafe Kopi Surat Cinta adalah pilihan yang ideal.

Terletak di Kota Damansara lokasi tersebut merupakan kawasan sunyi yang menjadi pilihan tepat buat penulis, pengkarya mahupun pelajar yang mencari ketenangan dan ilham.

Cawangan ketiga kafe Kopi Surat Cinta ini menjadi spot instagrammable untuk mereka yang suka berswafoto selain aneka menu masakan dan pencuci mulut yang lazat.

Menariknya disini, pelayan yang menghantar pesanan sebakas air kopi yang dikenali sebagai Kopi Surat Cinta turut menyelitkan sekeping surat cinta kepada pelanggan.

Pemilik cawangan tersebut, Che Wan Norilna Che Wan Yusof merupakan seorang wanita yang memasang impian untuk membawa jenama kopi tempatan sehingga ke peringkat antarabangsa.

Mesra disapa Norilna, wanita berusia 45 tahun itu merasakan trend baharu generasi sekarang nampaknya begitu menggemari rasa nikmat minuman kopi itu.

Surat cinta adalah bentuk ekspresi yang penuh perasaan dan romantis. Ia dapat mengungkapkan perasaan cinta dan kasih sayang kepada seseorang dengan kata-kata yang indah dan mendalam.

Malah Norilna turut memberitahu, dia yang juga merupakan penggemar kopi amat menitikberatkan kepentingan rasa secawan kopi.

“Kafe kopi dilihat tumbuh bagaikan cendawan selepas hujan yang diberi inovasi cara penyediaan dan rasa sehingga menjentik peminat kopi untuk bersenggang lebih lama bersama bersama rakan atau menjadi port mesyuarat bersama pelanggan.

“Malah di kafe ini juga, kami menghantar pesanan sebakas air kopi sambil turut menyelitkan sekeping surat cinta kepada penerima. Tujuannya cuma mahu setiap individu tidak kira lelaki atau wanita berasa dihargai dan diingati oleh penghantarnya,” katanya.

Menurut Norilna, antara menu kopi yang dijual ialah Kopi Surat Cinta, Kopi Terbahagia, Kopi Hari Minggu, Kopi Santan, Kopi Mantan.

“Antara produk kopi yang terlaris ialah Kopi Surat Cinta yang diperbuat daripada campuran kopi yang diimport dari Indonesia dan Vietnam dijual pada harga RM9,” ujarnya.

## HIDANGAN PATIN PILIHAN RAMAI

Selain kopi, destinasi yang mempunyai dekorasi memukau itu juga mempunyai signature makanan yang hebat.

Jelas Norilna, antara menu makanan yang terdapat di kafenyah ialah Set Gulai Tempoyak Ikan Patin, Nasi Lemak Ayam, Mi Kari serta Nasi Ayam Buttermilk.

“Antara hidangan yang selalu dipesan ialah Set Gulai Tempoyak Ikan Patin yang dijual pada harga RM18.80. Ramai pelanggan mengatakan keenakan rasa kuah tempoyak yang pekat, mengurangkan ditambah lagi dengan kelazatan rasa segar ikan patin,” katanya.

Selain itu, Norilna berkata, di kedainya turut menyediakan pencuci mulut seperti kek tapak kuda, creampuff, pudding caramel, kek batik, brownies dan pelbagai lagi dengan harga yang berpatutan.

Dalam pada itu, Norilna turut memberitahu, kafenyah juga mengikuti trend terkini yang mahukan suasana hipster.

“Di tempat kami boleh kata setiap ruangan kedai adalah ruangan bergambar, kami ada gazebo buaian berbentuk hati yang sesuai untuk pasangan romantis selain dipenuhi hiasan-hiasan flora di sekitarnya,” katanya.

Dia turut mengalu-alukan orang ramai untuk datang ke Kopi Surat Cinta bagi menikmati pengalaman menghirup secangkir kopi yang membuatkan penggemarnya jatuh cinta apatah lagi apabila diterima dengan sekeping nota surat cinta yang menyentuh jiwa.


WK



PENGUNJUNG akan diberi kopi sambil diselit ayat-ayat cinta.



NORILNA (kiri) bersama suami Zulkifle Mustafar (kanan) menikmati hidangan.



SIGNATURE makanan set gulai tempoyak ikan patin antara pilihan pelanggan

# PERCUMA UNTUK YANG CELIK HATI



Dapatkan juga versi  
e-paper Wilayahku di  
[www.wilayahku.com.my](http://www.wilayahku.com.my)

# Seni akrilik bawa tuah

HAZIRAH HALIM

**P**ERSAINGAN dalam dunia serba mencabar ini, bukan mudah buat graduan untuk mendapatkan pekerjaan yang selari dengan bidang pengajian yang dipelajari selama bertahun-tahun di universiti.

Situasi tersebut menyebabkan mereka perlu akur untuk mencari kerja dalam bidang lain atau menggunakan kemahiran sedia ada bagi meneruskan kehidupan.

Pernah berdepan perkara yang sama, bekas pelajar Diploma Senibina di Kolej Kemahiran Tinggi MARA, Pasir Mas, **Razzatul Fatrah Mohd Hamdan**, 26, mengakui dia cukup bertuah kerana kebolehannya dalam bidang seni lukis membawanya bergelar usahawan pada hari ini.

Berkongsi lanjut, usahawan muda ini berkata, selepas tamat pengajian dia berusaha mencari pekerjaan namun agak sukar memandangkan ketika itu negara berdepan dengan pandemik COVID-19.

“Ketika itu saya hanya memikirkan bagaimana untuk menjana pendapatan dengan situasi ekonomi yang mencabar. Saya tidak berlengah dan cuba untuk memasarkan hasil kreativiti akrilik di atas produk seperti mug, casing telefon dan sebagainya kerana itu sahaja kemahiran yang saya ada.

“Alhamdulillah, agak berasas baik kerana ketika itu, tidak ramai



RAZZATUL berjaya menghasilkan produk seni akrilik yang diminati ramai.

yang menjalankan bisnes seperti ini. Percubaan saya untuk memasarkan produk di bawah label Razfatrah arts mendapat sambutan yang sangat menggalakkan sehingga ia tular di laman sosial,” ujarnya.

Tambahnya, situasi negara yang ketika itu berada dalam fasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akibat COVID-19 menyumbang kepada permintaan tinggi produk yang dihasilkan memandangkan peningkatan aktiviti beli-belah

dalam talian.

Bermula daripada sekadar mencuba siapa sangka perniagaannya semakin mendapat tempat dan menerima tempahan sekali gus mampu menjana pendapatan mencecah ribuan ringgit.

“Saya juga turut mengambil peluang untuk menjual produk secara langsung (*live*) di TikTok seiring dengan teknik pemasaran dalam talian sekarang dan kini

menpunyai pengikut tidak kurang dari 5,000 setiap kali bersiaran,” ujarnya.

Menurutnya lagi, bermula dengan 11 buah mesin sahaja kini bertambah menjadi 23 buah mesin dan ia memudahkannya untuk menyiapkan tempahan sehingga 100 produk seminggu.

“Kebiasannya saya akan meminta pelanggan membuat tempahan lebih awal agar mereka tidak perlu menunggu lama selain

mengelakkan tempahan bertindih,” ujarnya buat masa ini mug merupakan antara yang mendapat sambutan tinggi.

Menyentuh tentang bahan produk yang dihasilkan, Razzatul berkata bahan-bahan yang digunakan ditempah khas dari luar negara kerana ia sukar didapati di Malaysia.

“Walau bagaimanapun, syukur kerana ada pihak “Pebeo” yang menjaya dengan membawa masuk bahan-bahan seni bersesuaian untuk penghasilan produk ini.

“Untuk memastikan ia kekal lama dan tidak luntur, saya perlu menambah dua hingga tiga lapisan warna,” ujarnya berhadapan dengan cabaran seperti serangga yang sering melekat pada produk ketika proses pembuatan dijalankan.

Bagi perancangan seterusnya, dia berharap untuk melatih mereka yang berminat untuk mempelajari teknik seni akrilik terutamanya membantu mereka yang tidak mempunyai pekerjaan.

“Saya banyak menerima permintaan untuk mengadakan kelas mempelajari seni ini. Insya-Allah akan dilaksanakan dalam masa terdekat. Diharapkan ia memberi manfaat kepada orang lain,” ujarnya turut menasihati graduan agar sentiasa bersedia mendepani cabaran dengan bereksperimen menggunakan bakat dalam diri.

WK

## Kek tapak kuda jadi rebutan selepas tular

**KEK** tapak kuda yang dikatakan berasal dari Brunei menjadi sensasi di negara ini dan menjadi rebutan dalam kalangan penggemar kek sejak ia tular di media sosial.

Kek berbentuk bulat seperti baulu gulung namun akan kelihatan seperti tapak kuda apabila dipotong itu, mempunyai tekstur lembut di luar manakala di dalamnya berisi inti pelbagai jenis seperti krim coklat, nestum dan nutella.

Seorang pengusaha makanan berasaskan pencuci mulut, **Nurul Rohaida Salleh**, 39, berkata, rasanya yang enak dan sedikit berbeza dengan kek biasa membuatkan populariti kek tapak kuda naik dengan cepat hingga kedainya turut diserbu penggemar kek itu.

Pengusaha Evas Food Station itu berkata, sejak kek itu tular di media sosial, dia dapat menjual hingga 1,500 biji dalam sehari.

“Kek tapak kuda ini sebenarnya sudah lama ada tetapi dahulu intinya tidak banyak perisa. Sejak tular dan mendapat permintaan tinggi intinya semakin dipelbagaikan seperti matcha crunchy, kinder bueno dan biscoff, katanya ketika ditemui di Meru Raya di sini baru-baru ini.

Nurul Rohaida berkata, buat masa ini kek tapak kuda yang dijual di kedainya diperoleh daripada lapan vendor termasuk dari Pulau Pinang, Johor, Melaka dan Selangor. Menurutnya kek tersebut didatangkan dalam pelbagai saiz dan dijual pada harga RM6 sebiji atau RM10 bagi dua biji kek bersaiz kecil, RM15 bagi saiz sederhana dan RM25 hingga RM35 untuk kek besar.

“Berikutan permintaan yang meningkat, hasil jualan di kedai mencecah lebih RM30,000 dalam tempoh kurang sebulan,” katanya.

Sementara itu, seorang vendor kek tapak kuda, **Rosnani Muhamad**, 47, yang merupakan pemilik perniagaan Anizz Cookies di Pulau Pinang, berkata kilangnya menghasilkan sebanyak 2,000 biji kek berkenaan setiap hari dengan separuh daripadanya dihantar ke Evas Food Station.

Menurutnya baki 1,000 biji lagi dihantar kepada ejen di tempat lain termasuk di Sungai Petani dan Alor Setar, Kedah.

“Kami sudah lama menghasilkan kek tapak kuda ini secara sampingan cuma sekarang ia mendapat permintaan amat tinggi selepas tular baru-baru ini.

“Jika dahulu hanya ratusan kek dihasilkan, kini saya terpaksa meningkatkan jumlahnya kepada ribuan kek dalam sehari dengan dibantu 15 pekerja,” katanya yang menghasilkan lima jenis inti kek tapak kuda. - BERNAMA.




### Pereka Grafik / Multimedia Syarat Kelayakan:

- Mempunyai Diploma/Sijil dalam bidang grafik/multimedia atau berkaitan dengannya.
- Berkemahiran menggunakan Adobe Photoshop, Adobe Illustrator, Adobe InDesign dan perisian lain seumpamanya.
- Sekurang-kurangnya berpengalaman dalam penerbitan akhbar atau majalah.
- Berpengalaman menghasilkan bahan hebahan media sosial seperti poster, infografik dan bahan bercetak.
- Boleh bekerja secara berkumpulan dengan pengawasan yang minimum dan di bawah tekanan.
- Berdisiplin, kreatif dan mudah menerima arahan.

Sila hantarkan resume anda ke:  
[hr.wilayahku@gmail.com](mailto:hr.wilayahku@gmail.com)





**IMBAS KOD QR  
UNTUK IKUTI  
MEDIA SOSIAL  
RASMI  
WILAYAHKU.**

Tambah baik inisiatif program 2024

# YWP beri tumpuan sosioekonomi

HAZIRAH HALIM

**S**EPANJANG tempoh 2023, YWP berjaya melaksanakan kesemua program yang telah dirancang melibatkan pembangunan ekonomi, sosial, agama, kebajikan dan pendidikan seluruh warga kota tanpa mengira usia dan bangsa.

Selaras dengan itu, YWP komited meneruskan program tersebut seiring perancangan tahunannya dengan lebih efektif dan berkesan.

Pengarah Eksekutif YWP, **Abdul Rahman Siraj** berkata bagi tahun 2024, YWP akan terus memberi pendekatan terhadap pembangunan sosioekonomi warga kota termasuklah pembangunan pendidikan pelajar sekolah mahupun universiti.

“Alhamdulillah, kita dapat melaksanakan semua aktiviti yang dirancang tahun lalu dengan sebaiknya termasuklah melibatkan diri secara langsung dengan program tambahan oleh agensi agensi kerajaan.

“Insya-Allah pada tahun ini, kita



KAKITANGAN YWP sentiasa membantu warga kota yang memerlukan.

fokus menambahbaik lagi aktiviti sedia ada dengan strategi yang lebih mampan selain bersedia dengan beberapa program terbaharu yang telah dirancang.

“Antaranya, meneruskan program-program pendidikan seperti Bantuan Pemakanan Sekolah Menengah, Biasiswa Sekolah Menengah, Program

Ekonomi (Skim Mikro Kredit, MyGrocer, Usahawan Muda Kota); program Sosial (Skim Prihatin Wilayah Persekutuan, Bantuan Khas YWP) serta program agama dan teknologi,” kata beliau.

Tambah beliau, bagi urusan penyerahan Bantuan Khas kepada komuniti yang memerlukan, ia ditapis dan dipilih dengan

kerjasama pejabat Ahli Parlimen, Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) dan Persatuan Penduduk.

“Kaedah bantu sampai habis diperkenalkan bukan sahaja bantuan one-off tetapi menyelaras bantuan berterusan dengan agensi lain bagi memastikan kesinambungan hidup penerima bantuan.

“YWP juga tidak ketinggalan dalam menghulurkan bantuan kepada sesiapa sahaja yang ditimpakan musibah, bencana dan sebagainya. Jika ia menjadi sebahagian daripada tanggungjawab yang memerlukan penglibatan YWP, kita sedia membantu.

“YWP juga telah merancang beberapa aktiviti seperti program Nuzul Quran Ramadan, Ulangtahun YWP ke-38, Program Yayasan SeMalaysia, Konsert 3 Diva, Karnival Patriot Wilayah Persekutuan dan banyak lagi.

Justeru itu, Abdul Rahman berharap segala program yang dirancang khusus untuk membantu dan memberi manfaat kepada warga kota dapat dijayakan sebaiknya dengan kerjasama agensi

Info

**ADUAN**

**DBKL**

**Perbadanan Putrajaya**

**Perbadanan Labuan**

**Jabatan Agama Islam KL**

**Jabatan Agama Islam Putrajaya**

**Jabatan Agama Islam Labuan**

**Wilayahku**

**DBKL**  
Tel : 03-2617 9000

**Perbadanan Putrajaya**  
Tel : 03-8887 7000  
Aduan : 03-8887 3000

**Perbadanan Labuan**  
Tel : 087-408600  
Aduan : 087-408852

**Jabatan Agama Islam KL**  
03-2274 9333

**Jabatan Agama Islam Putrajaya**  
03-8884 2600

**Jabatan Agama Islam Labuan**  
087-415 311

**Wilayahku**  
WhatsApp  
: 011-5958 7489

kerajaan, korporat dan NGO.

“Sebarang sumbangan, boleh disalurkan ke akaun CIMB 80-0110-3675 (*Corporate Contribution*) atau 86-0028-4531 (*Wakalah's Contribution*). Maklumat lanjut boleh layari laman <https://www.yayasanwp.org/>. **WK**



AZIZAH (tengah) bersama penerima sumbangan sempena Tahun Baru Cina.

## 1,100 penduduk Cina BTR terima sumbangan

SERAMAI 1,100 penduduk Cina di Bandar Tun Razak menerima sumbangan wang tunai bernilai RM100 berserta sekitak limau mandarin sempena meraikan Sambutan Tahun Baru Cina.

Ahli Parlimen Bandar Tun Razak, **Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail** berkata sumbangan tersebut merupakan salah satu usaha menyantuni kaum Tionghua khususnya di Bandar Tun Razak yang akan menyambut perayaan.

“Penerima ini telah dikenal pasti oleh komuniti setempat dan pejabat Parlimen Bandar Tun Razak. Diharapkan sumbangan ini dapat mengurangkan beban dan menambahkan keceriaan bagi menyambut perayaan Tahun Baru Cina.

“Penduduk Bandar Tun Razak ramai yang miskin bandar ditambah dengan bilangan warga emas yang agak tinggi, jadi kita cuba untuk tidak meninggalkan seorang pun daripada menerima bantuan.

“Kita hendak meringankan beban rakyat bersama. Kebajikan rakyat adalah perkara penting apabila kita bergelar pemimpin, apatah lagi kita sudah mendapat mandat daripada mereka,” ujar beliau.

Terdahulu, sumbangan diagihkan kepada komuniti berkenaan dalam sebuah Majlis Penyampaian Sumbangan Tahun Baru Cina Komuniti Kuala Lumpur dan Pejabat Parlimen Bandar Tun Razak di Institut Latihan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (IDB).

Turut hadir Setiausaha Politik Kepada Perdana Menteri, Datuk Azman Abidin dan Ketua Polis Daerah Cheras, Asisten Komisioner Zam Halim Jamaluddin. **WK**

## Transformasi RELA diteruskan

USAHA mentransformasikan Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) sebagai antara agensi peneraju Kementerian Dalam Negeri (KDN) akan diteruskan

Ketua Setiausaha KDN, **Datuk Ruji Ubi** berkata perkara itu adalah penting memandangkan RELA merupakan antara badan yang memainkan peranan dalam aspek keselamatan.

“Selain itu, RELA juga terlibat dalam aspek ketenteraman awam terutama kawalan perimeter dan sumber perkhidmatan kawalan keselamatan,” ujar beliau ketika berucap pada Majlis Perbarisan Tamat Latihan Kursus Induksi Pegawai RELA Tahun 2023 di Akademi Latihan RELA Malaysia (ALARM), Melaka, baru-baru ini.

Sementara itu, Ketua Pengarah RELA, Datuk KPJR Yahya Sulaiman menyrupegawai RELA perlu mengamalkan nilai-nilai integriti, meningkatkan perkhidmatan, berusaha ke arah kecemerlangan dan sentiasa berada dalam keadaan kesiapsiagaan agar perkhidmatan yang terbaik dapat diberikan kepada masyarakat.

Terdahulu, seramai 47 orang kadet pegawai diraikan dalam Majlis Perbarisan Tamat Latihan Kursus Induksi Pegawai RELA Tahun 2023 terdiri daripada 24 orang Pembantu Pertahanan Awam gred KP19 dan 23 orang Penolong Pegawai Pertahanan Awam gred KP29 dengan keseluruhan 30 lelaki dan 17 perempuan.

Kesemua kadet pegawai



SERAMAI 47 kadet pegawai RELA diraikan dalam majlis tamat latihan.

tersebut telah mulakan latihan pada 2 Oktober 2023 dan melapordiri pada 5 Februari untuk memulakan tugas.

Pada majlis tersebut, Ruji Ubi telah menyampaikan anugerah Kadet Lelaki Terbaik kepada Asby Mohd Anwar yang juga turut merangkul Anugerah Kadet Keseluruhan Terbaik selain menganugerahkan Kadet Wanita Terbaik kepada Adziela Adzmalizza Bidin; Kepimpinan Terbaik, Haslan Calip dan Akademik Terbaik kepada Malek Ridhuan Muhamad.

Selain itu, beliau juga telah menyampaikan sijil Kursus

Program Transformasi Minda, sijil Tamat Kursus Induksi, Watikah Pemakaian Pangkat dan Pingat Perkhidmatan Am RELA (P.P.A.R) serta surat penempatan kepada semua kadet pegawai di samping menyempurnakan acara penganugerahan pangkat Ahli Kehormat dan Bersekutu RELASIS.

Majlis turut diserikan dengan persembahan pancaragam RELA, persembahan RELA Martial Art Combination Performance (REMACP) dan persembahan Kawalan Antiancaman serta acara perbarisan kadet pegawai dan lafaz ikrar RELA. **WK**

Garis panduan kepada pemilik tanah serta cerun persendirian

# DBKL tambah baik prosedur penyenggaraan

HAZIRAH HALIM

**D**EWAN Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) komited untuk menambah baik prosedur-prosedur berkaitan penyenggaraan melibatkan pemilik tanah persendirian sebagai langkah untuk mengatasi kejadian tanah runtuhan dan cerun di sekitar Kuala Lumpur.

Sehubungan itu, DBKL bertindak mengeluarkan satu garis panduan penyenggaraan cerun dan tanah berbukit bagi memberi kesedaran kepada pemilik-pemilik tanah serta cerun persendirian melaksanakan rutin penyenggaraan secara berkala.

Menurut DBKL dalam satu kenyataan, garis panduan tersebut disediakan bertujuan untuk meningkatkan tahap kesedaran dan memberi panduan dari aspek keselamatan.

"Ia disediakan agar pemilik tanah mempunyai pengetahuan asas serta rasa tanggungjawab terhadap tindakan pemantauan dan penyenggaraan tanah milik masing-masing.

"Secara ringkasnya, panduan ini mengandungi penerangan secara menyeluruh mengenai



**DATUK** Bandar Kuala Lumpur, Datuk Sr Kamarulzaman Mat Salleh ketika melancarkan garis panduan penyenggaraan di Lobi Menara DBKL 1.

kaedah panduan pemantauan dan penjagaan cerun, skop dan jenis penyenggaraan serta prosedur tindakan pemilik tanah setelah runtuhannya berlaku.

Justeru itu, penyenggaraan cerun dan tanah berbukit amat penting bagi mengurangi kesan akibat tanah runtuhan yang mengakibatkan kehilangan nyawa dan kemusnahan harta benda hingga membawa kerugian besar

kepada negara," jelas DBKL menerusi satu kenyataan pada Rabu.

Tambah DBKL, garis panduan ini juga menerangkan kaedah mudah penyenggaraan cerun yang dapat meningkatkan tahap keselamatan persekitaran kawasan bercerun dan berbukit.

Dalam pada itu, garis panduan ini juga turut menekankan akan kepentingan penyenggaraan sistem

pengurusan air hujan.

"Sepertimana yang sedia maklum, setiap pembangunan baharu di Kuala Lumpur diwajibkan untuk menyediakan Sistem Pengurusan Air Hujan mengikut Garis Panduan Manual Saliran Mesra Alam 2 (MSMA 2) yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengairan Malaysia (JPS).

"Bagi memastikan sistem ini berfungsi, ia perlu diselenggara secara berjadual. Penyediaan Garis Panduan Sistem Pengurusan Air Hujan bertujuan untuk menerangkan kepentingan penyenggaraan yang terbahagi kepada dua sistem utama.

"Antaranya Sistem Tadahan Air Hujan (On Site Detentions) yang befungsii untuk mengelakkan peningkatan air larian hujan yang boleh menyebabkan banjir akibat pembangunan baharu.

"Selain itu, Sistem Penuaan Air Hujan (Rainwater Harvesting) yang berfungsi untuk menggunakan semula air hujan bagi tujuan pengairan tanaman dan kegunaan-kegunaan lain yang bersesuaian," jelas kenyataan itu garis panduan ini merangkumi kepentingan sistem pengurusan air hujan, komponen

yang perlu disenggara, kekerapan penyenggaraan serta langkah penyenggaraan mudah untuk dijadikan panduan kepada pemilik bangunan.

Sehubungan itu, penyenggaraan terhadap kedua-dua sistem ini perlu dilaksanakan oleh pemilik bangunan bagi menjamin keberkesanannya pelaksanaan serta kefungsianya yang berterusan setelah pembangunan diduduki.

Mengulas lanjut, DBKL memberitahu faedah ke atas pelaksanaan kedua-dua garis panduan baharu ini akan menjadi daya pengukur ke atas tahap kesejahteraan dan keselamatan penduduk setempat.

"Selain itu, langkah-langkah dan mitigasi impak akan memberikan manfaat kepada komuniti setempat yang mana pencegahan dari berlakunya hakisan dan runtuhannya cerun serta kejadian banjir dapat dicegah lebih awal.

"Ia merupakan antara usaha baik yang akan dilaksanakan dengan penglibatan pemilik tanah dan bangunan persendirian dalam mengurangkan impak alam sekitar ketara ke atas penduduk di sesuatu kawasan yang berisiko," tulis kenyataan itu. **WK**

## Laluan perkhidmatan Bas GOKL 15 dilancar

**D**EWAN Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) melancarkan laluan ke-15 perkhidmatan GOKL yang dinamakan laluan GOKL 15. Laluan sepanjang 20.6 kilometer (km) yang menghubungkan perjalanan bermula dari Prima Alam Damai ke Hospital Canselor Tuanku Mukhriz (HCTM), Cheras, Kuala Lumpur mula beroperasi 1 Februari lalu.

Menurut Datuk Bandar Kuala Lumpur, **Datuk Sr Kamarulzaman Mat Salleh** berkata laluan baharu ini diwujudkan bagi memberikan lebih pilihan kepada orang ramai untuk menggunakan pengangkutan awam selain turut memudahkan pengguna membuat pertukaran mod pengangkutan dari bas kepada pengangkutan rel sama ada MRT atau LRT.

"Di samping itu, terdapat beberapa lokasi yang membolehkan penumpang membuat pertukaran laluan bas yang dikehendaki iaitu di hentian Institut Latihan DBKL (IDL) dan Prima Alam Damai," katanya penambahan laluan dibuat berdasarkan faktor permohonan daripada penduduk setempat dan kawasan perumahan berkepadatan tinggi.

Jelasnya, laluan ini juga dihubungkan ke stesen sistem transit yang berdekatan bagi memudahkan pertukaran mod pengangkutan untuk perjalanan pergi dan balik ke pejabat, secara tidak langsung menggalakkan pemilik kenderaan persendirian untuk



**KAMARULZAMAN** (kanan) bersama Zaliha (tengah) dan Wan Azizah ketika majlis perasmian laluan baharu GoKL dan bas mini GoKL.

menggunakan perkhidmatan awam.

Sepanjang tahun 2023, Bas GOKL mencatatkan seramai 11.5 juta orang penumpang dengan kadar purata seramai 32,000 warga kota menggunakan perkhidmatan tersebut setiap hari dan melibatkan 960,000 penumpang sebulan.

Dalam masa yang sama, kerajaan menyokong inisiatif Matlamat Pembangunan Mampan (SDG), laluan baharu perkhidmatan Bas

GOKL 15 akan menggunakan bas elektrik iaitu Bas Mini EV bersaiz lapan meter boleh memuatkan kapasiti penumpang seramai 52 orang (18 tempat duduk, 33 berdiri dan 1 kerusi roda).

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), **Dr Zaliha Mustafa** berkata

penggunaan bas mini ini akan melancar dan memudahkan pergerakan pusingan bas di samping memastikan perjalanan lebih lancar ketika melalui laluan yang sempit dan selekoh tajam terutama melibatkan kawasan perumahan.

"Buat sementara waktu, laluan ini akan beroperasi menggunakan bas elektrik 10 meter sebelum digantikan dengan bas mini elektrik yang dijangka pada bulan

Mei akan datang.

"Dengan penambahan laluan baharu ini, jumlah keseluruhan bas elektrik GOKL adalah sebanyak 80 buah bas sekali gus menjadikan DBKL sebagai pihak yang paling banyak mengguna pakai bas elektrik di Malaysia," ujar beliau ketika berucap pada perasmian bas mini GOKL dan peluncuran laluan baharu GoKL ke 15 di Institut Latihan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), pada Isnin.

Turut hadir, Ahli Parlimen Bandar Tun Razak, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail dan Setiausaha Politik kepada Perdana Menteri, Datuk Azman Abidin.

Dalam pada itu, Zaliha berkata inisiatif Bas GOKL ini diperkenalkan bagi menggalakkan dan memperkasa pengangkutan awam di bandar raya seiring dengan hasrat kerajaan melalui Pelan Struktur Kuala Lumpur 2040 yang menyasarkan kadar penggunaan pengangkutan awam dalam kalangan warga kota sekurang-kurangnya 70 peratus berbanding kenderaan persendirian 30 peratus.

Pada 17 Disember 2022, DBKL menerima pengiktirafan daripada Malaysia Book Of Records sebagai pihak berkuasa tempatan (PBT) pertama di Malaysia yang menggunakan bas elektrik paling banyak dan memberikan perkhidmatan secara percuma kepada orang ramai. **WK**

Ulang tahun ke-40 Wilayah Persekutuan Labuan

# 6 teras pembangunan ekonomi

KHAIRUL IDIN

**S**EMPENA 40 Tahun Labuan menjadi sebahagian Wilayah Persekutuan, Perbadanan Labuan (PL) mengariskan enam teras pencapaian utama bagi membangunkan dan merangsang ekonomi pulau itu.

Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan, **Rithuan Mohd Ismail** berkata ia merangkumi pengiktirafan ilmiah dan pendidikan, sosial dan kemasyarakatan, keusahawanan, seni budaya dan sukan bagi menjaga kebajikan dan kesejahteraan penduduk Labuan.

Kata beliau, teras tersebut seiring dengan usia empat dekad Labuan dalam mencapai kemakmuran pelbagai aspek dalam pembangunan dan kesejahteraan selari dengan tema Sambutan Hari Wilayah Persekutuan Wilayah MADANI, Rakyat Harmoni.

"Di Labuan, kita sememangnya menerapkan enam teras utama tersebut. Walau bagaimanapun ia merujuk kepada keadaan ekonomi



LABUAN meraikan sambutan ke-40 tahun sebagai Wilayah Persekutuan.

di pulau ini. Kita sentiasa berusaha untuk merancakkan lagi ekonomi dan bagi tahun ini PL memfokuskan

teras utama terlebih dahulu iaitu infrastruktur," katanya.

Tambah beliau bagi memacu

semula ekonomi pulau itu masalah bekalan air sedang ditangani oleh Kerajaan Madani menerusi

peruntukan RM300 juta.

Turut dicadangkan pembinaan loji janakuasa baharu oleh Petrolim Nasional Bhd (PETRONAS) untuk menangani gangguan bekalan elektrik berterusan di pulau itu.

Mengulas lanjut, Rithuan berkata bagi memacu semula sektor pelancongan, Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP) bersama PL telah mewujudkan satu pasukan khas bagi mempromosikan produk pelancongan di Labuan.

"Kita mahu menyelesaikan isu utama terlebih dahulu iaitu dari segi kemudahsampaian dan rangkaian perhubungan menjadi keutamaan PL sebelum menjurus kepada isu lain.

"Walau bagaimanapun, dari segi produk-produk pelancongan perlu dipertingkatkan, diperkasakan dan ditambah baik serta di promosikan lagi," katanya.

Rithuan turut menyeru kepada semua jabatan, agensi serta warga Labuan agar bersama-sama mempromosikan produk-produk pelancongan yang boleh diperkasakan. **WK**

## Kerajaan fokus isu infrastruktur

**PERBADANAN** Labuan (PL) menghargai usaha dan perhatian Kerajaan Persekutuan dalam membangunkan semula pulau itu dari sudut pembangunan infrastruktur serta ekonomi.

Menurut Timbalan Pengerusinya, **Simsudin Sidek**, susulan daripada lawatan kerja Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim tahun lalu telah membuktikan bahawa kerajaan memberikan perhatian khusus bagi membantu dan meningkat sosis ekonomi, infrastruktur dan sosial.

"Kerajaan telah memberikan perhatian sebanyak 60 peratus kepada Labuan dan manakala Kuala Lumpur serta Putrajaya mendapat 20 peratus perhatian.

"Ini membuktikan Labuan tidak dipinggirkan dalam masa yang sama Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP) menyatakan lebih kurang 95 program akan dilaksanakan di Labuan pada tahun ini," katanya.

Beliau berkata demikian semasa berucap pada majlis pelancaran Program Paint By Number Sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan Peringkat Labuan yang turut dihadiri Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan, Rithuan Mohd Ismail.

Jelas Simsudin, komitmen itu dizahirkan dengan kehadiran lima orang menteri

sepantan Januari lalu.

"Ia membuktikan kesungguhan kerajaan untuk melihat Labuan setanding dengan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya.

"Kita berharap dengan usaha ini Labuan akan terus berkembang maju daripada pelbagai aspek khususnya dari segi pembangunan infrastruktur, ekonomi dan sosial," katanya. **WK**

Pada program itu, seramai 200 murid sekolah rendah dan menengah serta kumpulan Rakan Muda Jabatan Belia dan Sukan (JBS) Labuan menyertai program tersebut.

Lukisan mural di dinding Bangunan Muzium Marin Labuan menjadi simbolik pelancaran di mana 92 program akan dilaksanakan di tiga Wilayah sempena Hari Wilayah Persekutuan.



SIMSUDIN (kiri) dan Rithuan (kanan) ketika perasmian program.



SEBAHAGIAN pemimpin pada Sambutan Minggu Keharmonian Antara Agama Sedunia 2024.

## Keharmonian antara agama kukuh perpaduan

BAGI mengukuhkan perpaduan sejagat, Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional (JPNIN) Labuan menganjurkan Sambutan Minggu Keharmonian Antara Agama Sedunia 2024 peringkat Labuan baru-baru ini.

Menurut Setiausaha Bahagian Dasar dan Hubungan Antarabangsa, Kementerian Perpaduan Negara, **Ismail Mokhtar**, objektif penganjuran itu adalah bertujuan memperkuatkan keharmonian masyarakat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai kaum.

"Sungguhpun berbeza agama dan kepercayaan namun masih dapat hidup dalam landskap sosial yang lebih harmoni. Melalui pelaksanaan program ini, kementerian dapat menggalakkan persefahaman antara budaya dan agama yang merupakan dimensi penting dalam budaya keamanan," katanya.

Hadir sama, Timbalan Pengerusi Perbadanan Labuan, Simsudin Sidek; Pengarah Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional Labuan, Esther Dingkawan.

Sambutan Minggu Keharmonian Antara Agama Sedunia tahun 2024 merupakan pencetus kepada semua program di bawah inisiatif Harmoni Madani yang akan dilaksanakan pada tahun ini.

Dalam program tersebut Ismail dan pemimpin masyarakat melakukan jelajah di empat buah rumah ibadat bermula di The Church of Holy Savior, Church of The Blessed Sacrament, Kuil Gurdwara Sahib Labuan dan berakhir di Masjid Jamek An Nur sebagai tanda kesatuan dan kebersamaan menyebarkan toleransi dan keharmonian beragama di samping mengukuhkan perpaduan sejagat. **WK**

Lakar sejarah dalam Malaysia Book of Records

# 644 kendaraan di sepanjang 3.35 km

SABRINA SABRE

**J**ABATAN Wilayah Persekutuan (JWP) berjaya mencipta sejarah dalam The Malaysia Book of Records (MBOR) menerusi Program Susunan Terpanjang Kenderaan @ 50WP dengan penglibatan 644 buah kendaraan sepanjang 3.35 kilometer.

Menurut Presiden Perbadanan Putrajaya (PPj), **Datuk TPr Fadlun Mak Ujud**, susunan terpanjang kenderaan dengan bendera Wilayah Persekutuan di jajaran jalan Presint 2, 3 dan 4 itu bermula dari persimpangan Kementerian Kewangan dan berakhir di Lingkaran Gemilang, Putrajaya.

"Acara yang diadakan sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan (SHWP) 2024 itu membabitkan kendaraan persendirian, kenderaan persatuan, kenderaan milik kerajaan dan swasta termasuk motosikal, sedan, *supercar* dan *motorhome*.

"Kenderaan yang terlibat mengibarkan bendera Wilayah Persekutuan sebagai melahirkan rasa bangga selain mengekspresikan rasa cinta dan sayang terhadap Wilayah Persekutuan," ujar beliau.

Terdahulu, sebanyak 61 program telah disusun sempena SHWP 2024 di bawah enam teras iaitu Teras Pengiktirafan; Teras Ilmiah dan Pendidikan; Teras Usahawan; Teras Kemasyarakatan; Teras Seni



**SUSUNAN terpanjang kenderaan @ 50WP adalah simbolik tiga Wilayah Persekutuan.**

dan Budaya serta Teras Sukan.

Penganjuran SHWP 2024 yang bertemakan 'Wilayah MADANI, Rakyat Harmoni' itu memberikan fokus kepada program kesejahteraan dan kebajikan yang berterusan kepada golongan

berpendapatan rendah (B40) dan miskin di Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

Dalam masa sama, Fadlun berkata kehadiran pengunjung ke Putrajaya Open Day (POD) 2024 berjaya mencapai 200,000 individu

melebihi sasaran awal iaitu seramai 50,000.

"Alhamdulillah kita menerima sambutan yang sangat menggalakkan terutama bagi mereka yang ingin mencuba Transit Aliran Automasi (ART)

## 10,124 hiasan kek cawan bentuk hati simbolik POD 2024

DIANA AMIR

**HIASAN** The Biggest Heart-Shaped Cupcakes Formation memecahkan pengiktirafan The Malaysia Book of Records (MBOR) sempena penganjuran Putrajaya Open Day (POD) 2024.

Presiden Perbadanan Putrajaya (PPj), **Datuk TPr Fadlun Mak Ujud** berkata

sebanyak 10,124 biji kek cawan berwarna merah, kuning, biru, putih, oren dan hijau telah disusun dalam bentuk hati dengan tulisan POD 2024 di tengah-tengah.

"Jumlah tersebut dipilih bagi mewakili simbolik setiap nombor yang memberi makna kepada pengiktirafan MBOR ini.

"Nombor 10 mewakili 10,000 biji kek cawan yang perlu dihasilkan, 12 pula merupakan tarikh bagi Sambutan Hari Wilayah Persekutuan iaitu pada 1 Februari setiap tahun.



FADLUN

"Sementara nombor 24 pula merupakan tahun semasa rekod ini dipecahkan iaitu tahun 2024 manakala pemilihan warna kek cawan berdasarkan bendera Malaysia, logo PPj dan warna baju korporat Kolej Vokasional Malaysia," katanya dalam satu kenyataan.

Fadlun berkata usaha memecahkan pengiktirafan ini adalah dengan kerjasama PPj dan Bahagian Pendidikan Latihan dan Vokasional serta Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

"Ia melibatkan tujuh Kolej Vokasional iaitu Kolej Vokasional Sultan Abdul Samad, Kolej Vokasional Sepang, Kolej Vokasional Kuala Selangor, Kolej Vokasional ERT Setapak, Kolej Vokasional Dato' Undang Haji Muhamad Sharip, Kolej Vokasional Datuk Seri Abu Zahar Isnin dan Kolej Vokasional Sungai Petani 2," ujarnya hiasan kek

cawan itu diadakan di Kompleks Perbadanan Putrajaya, Presint 3.

Selain MBOR, Fadlun berkata POD 2024 turut membawakan pameran dan jualan daripada pelajar-pelajar Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET).

"Ia adalah secara julung-julung kali ini diadakan dengan kerjasama tiga kementerian iaitu KPM, Kementerian Belia dan Sukan serta Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah.

"Inisiatif ini merupakan inovasi bagi penganjuran POD 2024 dengan mengetengahkan hasrat bagi mempromosikan TVET dalam memenuhi permintaan industri dan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi, selaras dengan globalisasi, ekonomi berdasarkan pengetahuan, kemajuan teknologi dan moniliti tenaga kerja global," tambahnya.

Terdahulu, mengikut rekod MBOR sebelum ini, rekod yang sama telah dipegang oleh Gurney Paragon Mall pada 9 Februari 2020 dengan menggunakan lebih 5,000 kek cawan. WK

**PERTANDINGAN LAMPU KREATIVITI 3R 2024**

PESERTA DIkehendaki MENGHASILKAN STRUKUR LAMPU YANG BERSAMAAN UNTUK KEGUNAAN KAWASAN TERBUKA (OUTDOOR) MENGGunakan PAPAN POLY ALUMINIUM (POLYAL) YANG AKAN DIBEKALKAN

**PERTANDINGAN BERLAKU**  
**26 JANUARI 2024**

**PEMASANGAN HASIL REKAANDI**  
**TAPAK PERTANDINGAN OLEH PESERTA**  
**21 - 24 FEBRUARI 2024**

**TARikh TUTUP**  
**24 FEBRUARI 2024**  
(SEBELUM 4:00 PM)

**TAPAK PERTANDINGAN :**  
**ANJUNG FLORIA PUTRAJAYA, PRESINT 4, WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA**

**PERTANDINGAN INI TERBUKA KEPADA:**  
**Syarikat Profesional | Persatuan Penduduk Putrajaya | Universiti Awam & Swasta**

**BAGAIMANA UNTUK MENERJAI ?**

1. Ibu bapa pengertian: <https://forms.gle/b290mmlnrlidz> atau imbas kod QR yang disenaraikan.
2. Peserta yang BERJAYA mendafat akan menerima emel pengesahan penyertaan.
3. Membuat bayaran guruan penyertaan di Counter Pusat Khidmat Pelangganh Perbadanan Putrajaya.
4. Waktu urusan bayaran:  
Rabu-Khamis : 8:30 pagi - 4:30 petang  
Jumaat : 8:30 pagi - 12:00 tengahari 8-30 petang - 4:30 petang

\* Nota: Bayaran berlaku setelah borang pengertian & emel pengesahan penyertaan.

**SYARAT-SYARAT UMUM:**

- Terhad kepada 20 penyertaan TERAWAL dan belum mengikuti Facebook Bandar Hijau Putrajaya.
- Hasil rekaan perlu mempunyai sekurang kurangnya 50% papan Polyal.
- Perlu disertakan dengan penerangan/ perincian ringkas dalam bentuk "Light Box".
- Setiap peserta hanya dibenarkan menggunakan SATU penyertaan sahaja.
- Rakaman hendaklah kalis hujan, kukuh dan selamat digunakan.
- Yuran pengertian sebanyak RM30. Papan Polyal dibekalk secara PERCUMA.
- Note: Builk syarat pertandingan untuk keterangan lanjut.

**Lampu Light And Plastic Design**

**24FEB-3MAC ANJUNG FLORIA PRESINT 4, PUTRAJAYA**

• 03 8887 7000 • www.ppj.gov.my • Putrajaya • putrajayacorp • perbadananputrajaya • Putrajaya

**PERTANYAAN LANJUT:**

> Hasilnah: 03-42754615/nor.hasilnah@ppj.gov.my  
> Faiz: 037-2367669/jemahannad.fahri@ppj.gov.my  
> Harris: 037-6644767/harris@ppj.gov.my

**Bandar Hijau Putrajaya**

**Syarat pertandingan**

**Borang penyertaan**

**QR Code**

yang diperkenalkan di sini (Putrajaya) bermula 1 Februari lalu," ujarnya.

Selain itu, beliau berkata kerjasama erat antara agensi kerajaan, swasta dan komuniti Wilayah Persekutuan dalam mencapai misi mencipta rekod di peringkat negara melambangkan kejayaan dan kecemerlangan.

"Dalam masa sama, ia juga dapat memupuk semangat kekitaan dalam kalangan warga Wilayah Persekutuan dan perpaduan sejagat," ujar beliau SHWP 2024 dan pelaksanaan Program 50 Tahun Wilayah Persekutuan adalah berkonsepkan mesra rakyat yang melibatkan penyertaan daripada pelbagai kaum dan lapisan masyarakat.

Tambahnya, ia bertepatan dengan aspirasi Malaysia MADANI yang mencerminkan nilai Ihsan melalui keadilan sosial dan kesinambungan usaha dalam meningkatkan kualiti hidup rakyat serta menonjolkan kepekaan terhadap keperluan masyarakat.

Sebagai rekod, Hari Wilayah Persekutuan disambut pada 1 Februari setiap tahun bagi memperingati pengisytiharan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan sebagai Wilayah Persekutuan. Kuala Lumpur diisytharkan sebagai Wilayah Persekutuan pada tahun 1974, manakala Labuan pada 1984 dan Putrajaya pada 2001. WK

Atlet perlu bijak bahagi masa

# Irfan Daniel utama harapan ibu bapa

SABRINA SABRE

**B**IARPUN sudah sebat dalam sukan petanque sejak kecil, namun atlet Wilayah Persekutuan, Muhammad Irfan Daniel Md Sham, 20, enggan mempertaruhkan masa hadapan demi sukan semata-mata.

Malah dia sedar, tanggungjawab yang dipikul sebagai pelajar perlu dilunaskan untuk memastikan keputusan yang diraih cemerlang dalam setiap bidang diceburi.

“Saya mesti bijak membahagikan masa antara pelajaran dan latihan kerana walaupun bergelar atlet sepenuh masa, pencapaian akademik juga perlu diberi perhatian yang serius.

“Ibu bapa meletakkan harapan tinggi terhadap kejayaan saya. Jadi untuk tidak menghamparkan mereka saya berjanji untuk melakukan yang terbaik dalam bidang sukan dan akademik,” ujarnya.

Ber cerita lanjut, anak bongsu daripada dua orang adik-beradik ini berkata dia melihat sukan petanque mempunyai keistimewaan tersendiri selain memerlukan strategi dan teknik.

“Permainan ini memerlukan fokus yang tinggi agar bola



IRFAN DANIEL menyasarkan emas di pentas SUKMA Ogos ini.

asimetri yang dilerek berhenti hampir dengan bola jack bagi mendapatkan mata. Tanpa kekuatan mental, seseorang itu tidak mampu menjadi pemain terbaik.

“Ia juga mengajar kita cara menenangkan minda. Selalunya pemain akan cepat gelabah jika bola tidak menghampiri sasaran yang dituju. Seterusnya kita perlu tenang untuk memastikan

percubaan seterusnya berjaya,” ujarnya.

Mengimpikan untuk beraksi pada Sukan Southeast Asian Games (SEA), atlet kelahiran Perak ini berkata dia mencuba

## Pencapaian Irfan Daniel

2023 - Kejohanan Mix Double - Tempat keempat

2023 - Kejohanan Petanque Berpasukan Terbuka - Tempat ke-10

2022 - Sukan Malaysia (SUKMA) XX MSN - Tempat ketiga

sehabis baik untuk mencipta nama di dalam negara terlebih dahulu.

“Saya memasang impian untuk beraksi di Sukan SEA sebelum umur 23 tahun. Diharap apa yang diinginkan tercapai dalam tempoh tersebut,” ujarnya yang menjadikan atlet petanque Malaysia, Ayzeck Hakimi Safingan sebagai idola.

Pelajar yang sedang menuntut dalam bidang Sains Komputer di Kolej Matrikulasi Selangor ini juga berhasrat untuk bergelar sebagai seorang jurutera perisian suatu hari nanti.

“Biarpun sudah bekerja nanti, saya tetap akan terus bersukan kerana ia sudah sebat dalam jiwa ini,” ujarnya. WK

## The Pocket Rocketman masih berbisa

JAGUH berbasikal trek negara, Datuk Mohd Azizulhasni Awang membuktikan dirinya masih ‘berbisa’ untuk menjadi pencabar di Sukan Olimpik Paris 2024 apabila cemerlang memperoleh gelaran keirin lelaki dalam Kejohanan Piala Negara-Negara Kesatuan Berbasikal Antarabangsa (UCI) di Adelaide, Australia baru-baru ini.

Pada perlumba yang berlangsung di Super-Drome itu, The Pocket Rocketman mempamerkan kayuhan bertenaga mengetepikan cabaran getir daripada dua pelumba Jepun, Shinji Nakano dan Kaiya Ota untuk memperoleh emas pertamanya tahun ini.

Kemenangan itu sekali gus memberi mata buat Azizulhasni untuk ke pentas Sukan Olimpik Paris 2024 pada Julai ini.

Pelumba berusia 36 tahun itu sebelum ini menduduki tempat ketiga pada peringkat separuh akhir untuk mara ke pusingan akhir.

Manakala, seorang lagi pelumba negara Muhammad Fadhil Zonis gagal menamatkan perlumbaan dalam pusingan repechage selepas menamatkan saringan kedua di tempat kedua acara keirin.

Walau bagaimanapun, impian jaguh berbasikal pecut negara untuk meraih emas berganda di kejohanan tersebut tidak kesampaian apabila tewas di separuh akhir acara pecut dan tidak mengambil bahagian bagi penentuan pingat gangsa.

Azizulhasni menerusi satu hantaran di Facebook memaklumkan bahawa beliau terpaksa menarik diri selepas mengalami gejala perikarditis selepas perlumbaan separuh akhir.

“Saya berunding dengan doktor dan dinasihatkan untuk menarik diri daripada perlumbaan sebagai langkah berjaga-jaga untuk mengelakkan tekanan jantung.

“Di sebalik cabaran, ia adalah hari yang produktif selepas perlumbaan keirin semalam dan saya memberikan yang terbaik dalam pecut hari ini.

“Saya berterima kasih atas sokongan dan keprihatinan semua orang dan memohon maaf kerana tidak dapat menyempurnakan perlumbaan.

“Kini, tumpuan saya adalah pada pemulihan dan akan menyambung semula latihan sebaik sahaja cergas semula.

Terima kasih semua atas pemahaman dan dorongan anda,” ujarnya.

Penyertaan Azizulhasni di Adelaide akan dipantau rapi selepas dia perlu mengambil ubat perikarditis, ubatan yang berkaitan dengan jantungnya sejak beberapa minggu lalu.

Pada April 2022, Azizulhasni terpaksa menjalani pembedahan jantung terbuka susulan disahkan mengalami masalah jantung jarang ditemui dikenali sebagai arteri koronari kanan yang menyalur dari aorta di posisi janggal/ganjil (AAORCA) di Hospital Epworth Richmond, Melbourne. WK



AZIZULHASNI (tengah) merangkul pingat emas pada Kejohanan UCI di Adelaide.

## Monster Vicious raih RM30,000

PASUKAN Monster Vicious mengungguli Kejohanan E-Sukan Malaysia 2023/2024 bagi acara Mobile Legends Bang Bang (MLBB) dalam pertandingan yang berlangsung di Spacerubix baru-baru ini.

Juara Liga E-Sukan Malaysia (MEL) 2023 itu mengetepikan Todak Legion 3-1 selepas menang dalam tiga daripada lima perlawanan sekali gus meraih hadiah wang tunai RM30,000.

Pasukan yang mewakili Selangor itu ditaris Muhammad Aiman Mohamad Abas (Aimji), Ed Asyraaf Darwis Hayy Mohd Farid (Neyun), Muhammad Fath Zikryfikri Ahmad (Zutod), Muhammad Akmal Harith Alias (Igor) dan Mohamad Amar Ahmad Jamalulai (SanMar).

Sementara itu, naib juara Todak Legion yang ditaris Muhamad Alif Akmal Kamarulzaman (Rival), Ammar Asyraf Abd Rahman (Martzyyyyy), Muhammad Amy Angelo Erwin (Hazelnut), Fareez Edraki Azhair (Tiktokkk), Irfan Syahmi Mohamad Pin (Joyboy) dan Mohamad Irfan Hakimeee Zamree (Genozz) pula merangkul wang tunai berjumlah RM15,000.

Terdahulu, pasukan Kelantan yang ditaris Muhammad Nor Adham Mohd Nor Azizi (Cytuss), Syakir Najmi Saidi (Akirr), Wan Muhammad Fawwaz Wan Azhar (Wazz), Muhammad Harith Haikal Mohd Suffian (Met4l), Muhammad Aqeel Irfan Zaidi (AqeelTzy) dan Muhammad Afiq Mohd Nasir (Sya) menduduki tempat ketiga dan membawa pulang RM10,000.

Dalam pada itu, anugerah bagi Most Valuable Player (MVP) dengan hadiah RM5,000 menjadi milik Joyboy yang ditaris pasukan Todak Legion dan gelaran ‘Rookie’ (RM2,500) diberikan kepada pemain Monster Vicious, Igor. WK

# Bella Astillah tak mahu kontroversi lagi



DEEL ANJER

**A**DA yang berpendapat, selebriti dan kontroversi tidak dapat dipisahkan bagi mengekalkan populariti sedia ada.

Sama ada ia sengaja dicipta atau tanpa rela, hakikatnya cerita-cerita panas membuatkan nama selebriti terus menjadi bualan.

Bagi penyanyi Bella Astillah, setiap orang mempunyai persepsi berbeza tentang cerita sensasi. Namun, bagi dirinya gosip atau kontroversi yang datang adalah luar jangkaan dan bukan kehendaknya.

"Sempena tahun baharu ini, saya berazam mahu bebas daripada cerita sensasi dan

kontroversi. Sebelum ini mungkin ramai sangat netizen yang cakap saya ni suka kontroversi, sama sekali tidak ya."

"Sebaliknya cerita-cerita macam tu buat saya lebih risau. Kalau boleh memang nak elak kontroversi, tapi itulah bila jadi artis ni, tiba-tiba ada saja cerita yang dikaitkan sedangkan kita tidak tahu menahu soal itu," ujarnya.

Bella atau nama sebenarnya Dayang Nabellah Awang Astillah, 28, juga mengaku memahami tugas pihak media, namun kenyataan sering kali diputar belit oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.

"Saya faham kehendak rakan-rakan media, jadi saya takkan lari dari wartawan. Namun apabila keluar kenyataan, ada pula yang cakap saya ni tak habis-habis nak cari kontroversi."

"Kadang-kadang ada yang naikkan balik artikel lama dan netizen pun komen. Jadi dengan penjelasan ini, mungkin boleh jadi

pencerahan buat netizen yang tak faham situasi ini," ujarnya yang pernah terlintas di fikiran untuk meraih populariti dengan cara sebegitu.

Tambah Bella, banyak hati yang perlu dijaga terutamanya keluarga sendiri dan mentua kerana setiap kali kontroversi melanda mereka akan terus bertanya kepada dirinya.

"Saya mohon agar netizen tidak lagi salah faham dan menyiasat terlebih dahulu artikel lama atau baharu. Ini kerana komen-komen yang dibuat secara tidak langsung memberi kesan kepada saya mahupun artis lain."

"Jadi saya harap sangatlah kepada netizen yang tuduh saya suka sangat beri kenyataan tu, sebenarnya tidak seperti yang mereka sangka. Perkara-perkara sebegini boleh mengganggu mental selebriti."

"Apa yang lepas, biarkan berlalu. Janganlah diungkit lagi. Saya tahu itu asam garam sebagai

selebriti tapi tahun ini saya nak fokus keluarga dan kerjaya. Itu keutamaan saya," ujarnya.

Dalam perkembangan lain, Bella memberitahu tidak sabar untuk berkongsi 'air tangannya' pada bulan Ramadan tidak lama lagi.

"Saya akan jual kuih raya dan akan usahakan untuk berada di booth sepanjang festival Absolute Bazaar X Festival Gaya Raya 2024. Kuih raya itu adalah resipi turun-temurun keluarga seperti Red Velvet Cookies, Batang Buruk Sabah dan banyak lagi."

"Memang dari zaman kanak-kanak saya selalu tolong ibu buat kuih dan sudah terbiasa duduk di dapur. Sekarang ini peluang untuk peminat rasa pula," ujarnya yang tidak sabar berada di festival yang diadakan di Pusat Pameran dan Perdagangan Antarabangsa Malaysia (MITEC) selama 66 jam tanpa henti bermula 29 Mac pukul 12 tengah hari sehingga 1 April pukul 6 pagi. **WK**

## Zara Zya sudah lali

**PELAKON** Zara Zya, 38, mengakui sudah lali dan tidak sesekali berasa tertekan apabila sering diaju soalan bila akan menamatkan zaman bujang kerana baginya itu adalah lumrah kehidupan bagi mereka yang belum bertemu jodoh.

"Persoalan sebegini biasa ditambah pula saya seorang selebriti. Kadang-kadang netizen juga gemar menjodohkan saya dengan orang yang dia suka. Tak apalah asalkan mereka sentiasa menyokong dan mendoakan yang baik-baik buat saya."

"Saya hargai cinta mereka kepada saya. Merekalah yang sokong kerjaya saya dari dulu sampai sekarang. Kalau mereka nak jodohkan saya dengan siapa-siapa, saya tak kisah kerana itu juga doa," katanya.

Biarpun sering melihat ramai yang masih bujang mengeluh soal jodoh dalam media sosial, bagi pelakon *Love You Mr. Arrogant* ini, mereka berhak meluahkan apa yang dirasa.

"Setiap orang ada cara tersendiri untuk menzahirkan apa yang mereka rasakan. Bagi saya, selagi tidak melampau atau berlebih-lebih, rasanya tak ada masalah luahkan apa yang terpendam dalam hati."

"Mungkin sesetengah orang tertekan apabila sering diajukan soalan tentang jodoh, tapi saya tidak. Itu lumrah sebagai orang bujang. Apabila ramai bertanya, itu juga tanda ramai yang sayangkan kita."

"Kita berkahwin bukan sebab umur dah semakin



meningkat atau kawan-kawan sebaya dah ada ramai anak. Bukan juga kita nak kahwin tu sebab rimas dengan soalan pasal kahwin," ujarnya yang tidak menolak untuk berkongsi khabar gembira jika berkahwin kelak.

Terbaru, Zara sering dikaitkan bercinta dengan usahawan kosmetik Datuk Alha Alfa apabila mereka dilihat sering bersama dalam sebarang acara mahupun di media sosial.

"Soalan ini sering diajukan kepada saya. Sejujurnya apa yang saya boleh cakap, kami adalah kawan *best friend forever* dan banyak lalui susah senang bersama. Mungkin ramai ingat kami bercinta jujurnya hanya sahabat."

"Saya melihat Alha dari awal bisnes dia bermula. Begitu juga dia melihat jatuh bangun saya dalam dunia seni. Kalau nak kata kami bercinta tu, dalam lagu Cinta Agung sajalah," selorohnya.

Menyentuh pengalamannya merakamkan lagu Cinta Agung duet bersama Alha, ia bukan sesuatu yang mudah kerana mereka perlu serius sedangkan mereka sudah biasa tergelak apabila bersama.

"Pengalaman berduet dengan rakan baik mencabar jugalah sebab masa shooting muzik video kami kena serius sambil pandang muka masing-masing. Macam mana nak serius sedangkan dia adalah sahabat yang selalu buat saya ketawa besar," ujarnya Cinta Agung membawa maksud menyeluruh. **WK**

## Dugaan Sufian Suhaimi

**HIDUP** berumahtangga adalah fasa dalam kehidupan yang pastinya ditunggu-tunggu oleh mereka yang bakal melangkah ke gerbang perkahwinan.

Bagi penyanyi **Sufian Suhaimi**, 31, dugaan 'darah manis' tetap ada menjelang hari bahagianya bersama kekasih hati, Rania, yang dijangka berlangsung tahun ini.

Setelah majlis meristik dilangsungkan pada Oktober tahun lalu, Sufian akui dia dan Rania turut berhadapan ujian dalam perhubungan.

"Orang selalu cakap, pasangan yang bertunang akan melalui ujian berat sebelum mereka diijabkabulkan. Saya dan Rania pun diuji memandangkan kami masih dalam proses mengenali hati budi masing-masing."

"Tambah pula masing-masing dari latar belakang keluarga dan persekitaran yang berbeza. Jadi sudah tentu ambil masa untuk wujudkan keserasian itu," ujarnya melalui fasa tersebut mereka saling lebih mengenali dan memahami antara satu sama lain.

Sufian juga tidak terlepas daripada sorotan netizen yang mendakwa kononnya dia cuba 'menyorok' bakal isteri daripada pengetahuan ramai.

"Saya rasa dalam zaman teknologi ini, kalau kita google atau membuat carian di media sosial rasanya ada saja

apa yang kita nak cari. Semuanya di hujung jari. Kalau nak kata saya sorok gambar kami berdua atau tak masukkan dalam media sosial, rasanya tidak."

"Sejujurnya saya memang seorang yang tidak terlalu terbuka sejak dahulu lagi untuk berkongsi hal peribadi dalam media sosial. Kalau orang perasan, saya pun tak dedah sangat gambar dengan keluarga," jelasnya menganggap media sosialnya adalah untuk perkara yang lebih profesional. **WK**





Normalisasi maksiat berunsur persundulan

## Pendakwah seru umat Islam bersuara

AZLAN ZAMBRY

**S**ELURUH umat Islam mesti bersuara atas kapasiti yang ada dalam menentang sebarang bentuk promosi kepada maksiat khususnya melibatkan pesalah seks.

Pendakwah dan pakar motivasi, **Ustaz Ahmad Shukri Yusoff** menegaskan bahawa sebarang usaha untuk menormalisasikan maksiat berunsur penzinaan harus ditentang keras kerana ia merupakan dosa besar dan di sisi Islam.

“Sudah pasti kita perlu pandang bahawa ia adalah perkara yang serius, tidak boleh ambil mudah dan memandang ringan mengenai perkara ini.

“Pihak berkuasa mesti bertindak tegas berdasarkan peruntukan undang-undang yang ada disebabkan isu ini melakukan maksiat secara terang-terangan dan kemudian berbangga dengan perkara tersebut malah dilihat mempromosikan perkara yang tidak sepatutnya,” katanya ketika dihubungi.

Ahmad Shukri berkata umat Islam perlu mempunyai rasa malu dengan perlakuan maksiat walaupun sekadar menonton program bual bicara yang menampilkan individu berkenaan.

“Dalam hal ini, kita difahamkan siaran secara live itu ditonton oleh ribuan orang dan ia dilihat seolah-olah memberikan semangat serta sokongan kepada individu berkenaan yang jelas telah melakukan penzinaan.

“Malah kita lihat respon daripada penonton yang turut meninggalkan komen yang menyokong sekali gus menunjukkan seolah-olah ada yang tidak kena dengan masyarakat khususnya orang Islam pada hari ini dan ia perlu diperbetulkan,” katanya.

Jelas Ahmad Shukri umat Islam berdepan cabaran melalui penggunaan media sosial yang tidak terkawal sehingga dilihat tidak sensitif

dengan perkara-perkara yang mendarangkan fitnah kepada Islam.

“Ini yang kita sebut bila penggunaan media sosial secara meluas ini akan timbul dua perkara iaitu jika dimanfaatkan dengan cara yang betul akan mendatangkan kebaikan, sebaliknya jika digunakan untuk tujuan yang buruk maka akan dirosakkan.

“Ia juga dapat dilihat termasuklah memberi respon, mengulas yang jelas perkara maksiat itu dilihat bukan satu kesalahan atau mungkin dalam bentuk satu

gurauan dan mungkin kita baca macam beri semangat seolah-olah individu itu tertindas dan dizalimi

“Menerusi komen yang dimuat naik itu, ini yang dikatakan seolah-olah berlaku hilangnya perasaan malu seperti yang digambarkan oleh Rasulullah SAW, jika kamu sudah tidak berasa malu, maka buatlah apa yang kamu buat dan itu adalah satu teguran yang keras daripada Nabi Muhammad SAW,” ujar beliau.

Justeru itu, kata Ahmad Shukri, umat Islam tidak boleh berdiam diri atau buat tidak tahu dan minta pihak lain untuk berbincang mengenai perkara ini.

“Penguatkuasaan undang-undang perlu bertindak untuk menangani masalah ini dan pada masa sama semua pihak perlu bersuara mengenai perkara ini termasuklah ibu bapa, pemimpin masyarakat, ulama, pihak berkuasa agama dan sesiapa sahaja mesti bersuara lantang.

“Bagi saya setiap orang mesti melihat isu ini sebagai perkara yang besar dan masyarakat kita perlu diberi pendidikan yang berterusan agar tidak menjadi barah untuk umat Islam,” katanya.

Dalam pada itu, Ahmad Shukri menyambut baik usaha kerajaan untuk mewujudkan satu peraturan bagi mengawasi program bual bicara agar kandungan yang seumpama ini tidak berulang di masa akan datang.

“Paling utama peraturan dan peruntukan undang-undang yang ada ini tidak boleh menyekat kebebasan bersuara, namun untuk perkara yang melibatkan sensitiviti umat Islam mestilah dipelihara,” katanya.

Terdahulu, sebuah laman web penstriman menjemput individu yang terlibat dalam aktiviti persundulan sebagai tetamu jemputan dalam siaran podcast mereka. **WK**



## Podcaster perlu laksana kawalan kendiri

MENTERI Komunikasi, Fahmi Fadzil menyeru semua individu yang terlibat sebagai penerbit rancangan bual bicara berbentuk podcast untuk melaksanakan kawalan kendiri dan tidak melangkaui batas dan undang-undang negara.

Katanya, kerajaan tidak berhasrat untuk mengawal selia kandungan di podcast dan itu tidak bermakna pengendali podcast bebas melakukan apa sahaja.

“Peringatan kepada semua podcaster, pada waktu ini kerajaan belum berhasrat untuk regulate atau mengenakan kawal selia content yang dihasilkan.

“Jadi saya minta para podcaster untuk mengenakan kawalan kendiri dan berpada-pada kerana kita ada undang-undang.

“Adab dan budaya juga perlu dijaga dan pada masa sama kita berhak untuk bersuara dan berekspresi kerana itu termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan malah ada batas-batasnya,” katanya dalam sidang media pada Rabu.

Tambah Fahmi, sekiranya ada mana-mana pihak yang perlu diambil tindakan, pihak berkuasa boleh mengambil tindakan. **WK**